

Hari 1

Semua Permulaan adalah Baru

"Pada hari yang pertama dari bulan yang pertama haruslah engkau mendirikan Kemah Suci, yakni Kemah Pertemuan itu. Kautempatkanlah di dalamnya tabut hukum dan kaupasanglah tabir sebagai penudung di depan tabut itu.

(Keluaran 40: 2-3)

Kita memulakan 40 hari doa dan renungan hari ini. Tahun Ibrani 5778 menjanjikan permulaan baru untuk umat Tuhan. Dengan erti kata, semua permulaan adalah baru. Ia memberikan kita peluang untuk meneroka perkara yang baru – perjalanan yang kita tidak pernah terokai, satu permulaan yang baru, peluang yang kedua, atau hanya untuk melakukan perkara-perkara "lama" dengan cara yang baru.

Tuhan berfirman kepada umat pilihan-Nya, Israel, "pada hari yang pertama dari bulan yang pertama...", adalah untuk mendirikan suatu tempat beribadah, Kemah Suci, Kemah Pertemuan, dan lain-lain. Ini lebih daripada sekadar suatu keperluan ritualistik, tetapi bertujuan untuk menempatkan apa yang perlu untuk memastikan keberhasilan sepanjang tahun. Penyembahan, menempatkan fokus pada Dia yang kita sembah. Buatlah keputusan pada permulaan tahun ini, siapakah atau apakah yang kita utamakan, apakah maksudnya dari segi praktisnya. Putuskan bagaimana kita akan menggunakan masa, duit, tenaga, minda (ya, pemikiran kita), semua sumber-sumber yang Tuhan berikan kepada kita. Buatlah keputusan terlebih dahulu dan jangan membiarkan ia begitu sahaja, kerana ia tidak akan jatuh ke tempat yang teratur secara automatik.

Putuskan pada tahun ini untuk memelihara masa anda bersama Tuhan dan khususkannya untuk Dia. Samada slot masa harian atau ibadah mingguan – suatu masa bersama Tuhan, untuk berdoa, membaca Firman-Nya, menyembah Dia atau hanya menikmati hadirat-Nya. Semua ini penting untuk memastikan fokus kita adalah betul, dimana Tuhanlah sumber segala keperluan kita, dan saya ulangi, SEMUA yang kita perlukan untuk hidup ini.

Seperti yang diperintahkan Tuhan kepada Israel, fokus Kemah Suci, asas keistimewaan untuk bertemu dengan Allah Alam Semesta ini, adalah terdapat dalam Perjanjian Abadi yang Tuhan tetapkan dengan mereka. Bagi kita, kita mempunyai satu Perjanjian yang jauh lebih tinggi yang ditetapkan oleh Darah Yesus! Apa yang Dia janjikan, ia adalah 'ya' dan 'amin' dalam Kristus Yesus. Ia adalah berbaloi untuk kita khususkan masa yang intim dengan Tuhan, samada secara peribadi atau korporat.

Semoga Tuhan, Allah Perjanjian kita, Allah Bapa yang taat dan setia, memberkati anda pada tahun ini!

Fokus Doa

1. Senaraikan 3 perkara yang anda ingin lihat diubah atau berlaku dalam tahun ini, dimana hanya Tuhan sahaja yang boleh melakukan dan melaksanakannya. Seterusnya, senaraikan 3 perkara yang anda ingin lihat diubah atau berlaku dalam tahun ini, di mana hanya kamu sahaja yang boleh lakukan dan laksanakan. Bawakannya kepada Tuhan, minta pandangan Tuhan dan isytiharkan apa yang difikirkan oleh Tuhan mengenai perkara ini dalam doa.

Hari 2

Tahun Pemulihan

TUHAN memberkati Ayub dalam hidupnya yang selanjutnya lebih dari pada dalam hidupnya yang dahulu; ia mendapat empat belas ribu ekor kambing domba, dan enam ribu unta, seribu pasang lembu, dan seribu ekor keledai betina.

(Ayub 42: 12)

Apabila kita sebut tentang pemulihan, ia sentiasa melibatkan pengembalian apa yang telah hilang. Apabila Alkitab menyebut tentang pemulihan, hampir tidak dapat dielakkan ia melibatkan rahmat Tuhan yang luar biasa terhadap umat-Nya, pemulihan-Nya kepada umat-Nya adalah lebih daripada sebelumnya!

Alkitab mengatakan kepada kita bahawa Tuhan telah memulihkan Ayub “dua kali ganda” apa yang dia telah hilang dan anak-anak yang lebih unggul daripada sebelumnya. Ayub digambarkan sebagai “orang saleh dan jujur; ia takut akan Allah dan menjauhi kejahatan” (Ayub 1:1). Walaupun iman dan kebenarannya tidak sempurna, tetapi hati dia yang ikhlas terhadap Tuhan tidak dapat diragui. Iblis mungkin boleh mempergunakan kelemahan Ayub, tetapi Tuhan akhirnya menang di dalam hidupnya!

Tidak kira apa yang kita telah alami pada masa lalu, kita sentiasa boleh mengandalkan Tuhan untuk memulihkan hati kita. Jika ia adalah kerana ketidaksempurnaan iman kita yang menyebabkan kerugian, kekalahan, kegagalan atau kedukaan, bertekad untuk kekal “saleh dan jujur, takut akan Allah dan menjauhi kejahatan”, dan pastinya Tuhan akan memulihkan kita lebih daripada apa yang telah hilang. Sebagaimana Tuhan lakukan terhadap Ayub, Dia juga akan mematangkan dan menyempurnakan iman kita dalam proses tersebut.

Pandanglah tahun ini dengan pengharapan yang besar, kerana Tuhan pasti akan menunjukkan ketaatsetiaan-Nya kepada kita! Tuhan akan memberkati masa depan kita lebih daripada sebelumnya, Dia akan memberkati hari-hari kita yang terkemudian lebih daripada permulaan kita!

Semoga tahun ini, anda semua akan dipenuhi dengan shalom-Nya.

Fokus Doa

1. Senaraikan bahagian-bahagian utama dalam hidup anda di mana anda mengharapkan pemulihan.
2. Minta Tuhan untuk menunjukkan kepada anda sekiranya terdapat dosa atau kesalahan di pihak anda, atau daripada nenek moyang anda, yang telah menyebabkan kerugian. Akuinya di hadapan Tuhan dan minta pengampunan-Nya.

Hari 3

Pemulihan dan Perluasan Tuhan

Maka kamu akan makan banyak-banyak dan menjadi kenyang, dan kamu akan memuji-muji nama TUHAN, Allahmu, yang telah memperlakukan kamu dengan ajaib; dan umat-Ku tidak akan menjadi malu lagi untuk selama-lamanya. Kamu akan mengetahui bahwa Aku ini ada di antara orang Israel, dan bahwa Aku ini, TUHAN, adalah Allahmu dan tidak ada yang lain; dan umat-Ku tidak akan menjadi malu lagi untuk selama-lamanya."

(Yoel 2: 26-27)

Tidak lama selepas suatu kebaktian Ahad, selepas perkongsian khotbah saya dengan Gereja mengenai pemulihan luar biasa Tuhan yang dipetik dari Yoel 2: 26-27, saya menerima satu pesanan Whatsapp yang memetik petikan yang sama. Nombor penghantar tersebut tidak tercatat di dalam telefon saya, oleh itu saya menganggap ia dihantar oleh salah seorang pengunjung ke gereja pada hari tersebut, meresponi khotbah pada pagi itu. Akan tetapi, saya merasa hairan dan petang itu juga saya bertanya identiti penghantar. Rupa-rupanya pesanan tersebut adalah daripada seorang pemandu Grab yang saya kenali semasa kunjungan saya di Pulau Pinang beberapa minggu sebelum itu!

Firman Tuhan yang menenangkan dan menyakinkan ini adalah ditujukan kepada Israel semasa Israel berdepan dengan penghakiman Tuhan kerana pemberontakan mereka. Nabi Yoel membawa satu mesej daripada Tuhan yang paling menakjubkan menunjukkan rahmat-Nya yang mengagumkan. Pemulihan Tuhan sentiasa berasal dari rahmat dan kemurahan hati-Nya. Keinginan Dia untuk memberkati umat-Nya selalu kerana kasih dan kemurahan hati-Nya kepada kita.

Kita sering kali ingin memuliakan Nama Tuhan. Dalam petikan ini, tercatat sebanyak dua kali, umat-Nya tidak akan menjadi malu. Ini menunjukkan bahawa Dia juga prihatin terhadap nama kita! Dia amat prihatin supaya umat-Nya yang dipanggil oleh Nama-Nya, mereka yang dimiliki oleh-Nya, tidak akan hidup dengan rasa malu yang disebabkan oleh dosa dan kegagalan. Pemulihan-Nya melibatkan pemulihan maruah dan identiti kita.

Pada tahun ini, saya percaya bahawa Tuhan akan membawa pemulihan khusus kepada kita. Apakah bahagian-bahagian dalam hidup anda yang telah dikuasai oleh 'rasa malu'? Tuhan ingin menggalakkan anda kerana Dia akan menyucikan kamu daripada apapun perasaan malu. Pemulihan Tuhan selalu mengakibatkan Perluasan yang luar biasa dan pertambahan daerah-daerah kita. Pandanglah pada-Nya pada tahun ini, kerana Pemulihan dan Perluasan-Nya adalah jauh melebihi apa yang kita fikirkan dan bayangkan!

Fokus Doa

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana telah memperpanjangkan rahmat-Nya kepada anda di masa lalu. Bersyukur kepada Tuhan atas janji-janji-Nya yang Dia akan penuhi dalam hidup anda pada tahun ini. Serahkan kepada Tuhan semua kerisauan anda pada tahun ini.

Hari 4

Satu Musim Dengan Tuhan Di Dalamnya

Jika kamu dengan sungguh-sungguh mendengarkan perintah yang kusampaikan kepadamu pada hari ini, sehingga kamu mengasihi TUHAN, Allahmu, dan beribadah kepada-Nya dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu, maka Ia akan memberikan hujan untuk tanahmu pada masanya, hujan awal dan hujan akhir, sehingga engkau dapat mengumpulkan gandummu, anggurmumu dan minyakmu, (Ulangan 11: 13-14)

Kita melalui kitaran musim semulajadi sepanjang tahun. Apabila kita berada dalam permulaan tahun baru, kita akan merenung kembali tahun yang telah berlalu, dan bersedia untuk tahun yang akan datang. Di tahun baru, kita berharap untuk suatu masa depan yang lebih baik. Kita memandangi Tuhan untuk memberkati kita dengan satu 'tahun yang baru dan bahagia'. Satu masa untuk harapan yang baru.

Tuhan kita tidak bekerja mengikut masa dan kalendar manusia. Tuhan mempunyai musim-Nya sendiri untuk pekerjaan-Nya sendiri. Tiada seorang pun yang boleh menentukan apa yang Dia perlu lakukan, bila Dia perlu melakukan dan bagaimana Dia melakukan. Tuhan telah memberikan kita musim dalam setahun untuk membolehkan kita mengetahui apa yang Dia akan lakukan dalam alam semulajadi (kadang-kadang dalam alam rohani juga), supaya kita tahu apa yang harus diharapkan. Walau bagaimanapun, kadang-kadang perkara tidak berlaku pada musimnya. Kadang-kadang kita mengalami kelewatan dalam menerima apa yang dijanjikan oleh Tuhan. Kadang-kadang kita merasakan bahawa kita tidak selari dengan kehendak dan tujuan Tuhan.

Walaupun baik untuk kita merenung kembali tahun yang telah lepas dan membuat resolusi untuk tahun yang akan datang, adalah lebih baik untuk kita menerima daripada Tuhan berkat, pembekalan dan keberhasilan-Nya 'pada musimnya'. Apa yang paling penting adalah kita harus bertekad dan memutuskan untuk "mengasihi TUHAN, Allahku, dan beribadah kepada-Nya dengan segenap hatiku dan dengan segenap jiwaku". Kemudian, Tuhan yang setia akan menyebabkan nikmat-Nya datang ke dalam hidup kita dan keluarga kita mengikut musim yang ditetapkan oleh Dia.

Kita berada pada permulaan tahun ini, oleh itu saya ingin mengucapkan kepada anda satu musim pemulihan dalam tahun 2018. Semoga Tuhan akan memulihkan kemuliaan hadirat-Nya di dalam hidup anda apabila Terang-Nya menyinari anda. Saya berdoa agar anda akan masuk ke dalam satu musim yang baru dalam semua hal, dengan Tuhan di tengah-tengahnya!

Fokus Doa

1. Bersyukur pada Tuhan kerana memelihara kita melalui pelbagai musim dalam hidup kita, dalam keluarga kita, Gereja kita dan negara kita.
2. Bersyukur pada Tuhan terlebih dahulu untuk pemulihan dan penyembuhan yang kita bakal terima pada masa depan.

Hari 5

Masa ada Tujuannya

Ia membuat segala sesuatu indah pada waktunya, bahkan Ia memberikan kekekalan dalam hati mereka. Tetapi manusia tidak dapat menyelami pekerjaan yang dilakukan Allah dari awal sampai akhir. (Pengkhotbah 3: 11)

Semasa kita menghadiri suatu mesyuarat atau konferensi, kita akan menerima jadual untuk mengetahui aturan acaranya. Ia membantu kita untuk mengetahui apa yang kita boleh harapkan, dan bagaimana kita boleh bersedia untuk setiap acara. Acara diatur sedemikian supaya kita boleh memperoleh lebih banyak daripada konferensi tersebut, untuk tujuan konferensi tersebut, sebagaimana penganjur rekakan. Melakukan sesuatu di luar waktu dari jadual akan menghindari kita daripada menerima manfaat maksimum konferensi tersebut, malah ia mungkin akan menyebabkan kita terlepas fokus konferensi yang sedia ada sama sekali.

Apabila Tuhan mencipta masa, ia bukan sekadar untuk merekod peristiwa secara kronologi. Penulis buku Pengkhotbah mengulangi pemerhatiannya bahawa adanya masa dan musim untuk segala hal. Melawan tujuan masa dan musim tertentu, melakukan perkara-perkara dan menghidupi kehidupan yang tidak selari dengan masa dan musim tertentu akan terbukti sia-sia dan tidak akan menghasilkan buah – bertungkus-lumus dan berjuang namun mendapat hasil yang sedikit. Selepas kejatuhan manusia, manusia mempunyai kecenderungan untuk hidup di luar musim dan masa Tuhan, dan ia telah menjadi ciri khas kehidupan manusia. Ia juga telah menjadi matlamat utama Iblis untuk menggoda dan memaksa manusia supaya hidup di luar masa Tuhan. Jika dia boleh menyebabkan manusia hidup sedemikian, dia berjaya menjauhkan manusia daripada destini yang diberi oleh Tuhan.

Namun begitu, selalu adanya sejenis 'ketidakpuasan saleh' di dalam hati manusia. Rasanya sesuatu telah hilang. Kerana Tuhan mencipta suatu kerinduan untuk tujuan dan keberertian yang abadi. Kerinduan tersebut dapat dipenuhi jika manusia berjalan di dalam masa dan musim Tuhan. Keberhasilan berasal daripada ketaatan kepada Tuhan. Keberhasilan datang daripada kerja keras dan bukannya daripada bertungkus-lumus dan berjuang. Keberhasilan datang apabila kita berjalan di dalam masa dan musim yang ditentukan oleh Tuhan, selangkah dengan kerja-Nya dan pekerjaan Roh Kudus.

Oleh itu, carilah masa Tuhan, ketahui musim-musim tertentu-Nya untuk pekerjaan tertentu. Pilih untuk berjalan di dalamnya. Lari daripada masa dan jadual Iblis, dan keluar dari situ! Sekarang, lintaslah ke dalam pemulihan destini dan keberhasilan kamu!

Fokus Doa

1. Minta Tuhan untuk menunjukkan kepada anda jika anda telah menjalani satu kehidupan yang tidak selari dengan masa dan musim-Nya. Jika pernah, bertekad untuk membuat perubahan.

Hari 6

Masa Tuhan

Pada suatu hari ketika Ia makan bersama-sama dengan mereka, Ia melarang mereka meninggalkan Yerusalem, dan menyuruh mereka tinggal di situ menantikan janji Bapa, yang demikian kataNya--"telah kamu dengar dari pada-Ku. Sebab Yohanes membaptis dengan air, tetapi tidak lama lagi kamu akan dibaptis dengan Roh Kudus." Maka bertanyalah mereka yang berkumpul di situ: "Tuhan, maukah Engkau pada masa ini memulihkan kerajaan bagi Israel?" Jawab-Nya: "Engkau tidak perlu mengetahui masa dan waktu, yang ditetapkan Bapa sendiri menurut kuasa-Nya. Tetapi kamu akan menerima kuasa, kalau Roh Kudus turun ke atas kamu, dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai ke ujung bumi." (KPR 1: 4-8)

Tuhan menetapkan masa dan musim-Nya untuk segala sesuatu di bawah syurga. Hanya Dia yang tahu dan membuat pilihan apa yang harus dilakukan dalam setiap masa dan musim. Bukan kerana Dia tidak boleh 'melakukan pelbagai perkara pada masa yang sama', tetapi Dia meletakkan kejadian tertentu dalam masa tertentu supaya kita, sebagai umat-Nya, boleh masuk ke dalam rencana dan tujuan-Nya dalam setiap musim.

Murid-murid Yesus disuruh untuk tinggal di Yerusalem, tidak pergi ke mana-mana, untuk menanti pembaptisan Roh Kudus. Apabila Roh Kudus dicurahkan kepada mereka, Yesus berkata dan menyuruh mereka untuk menjadi saksi di Yerusalem, dan membawa kesaksian kuasa dan keselamatan Allah keluar dari Yerusalem sehingga ke hujung bumi.

Dalam musim menanti, mereka seharusnya tidak bergerak. Dalam musim bergerak, mereka tidak sepatutnya tinggal dan menanti. Akan tetapi mereka telah tinggal di Yerusalem sedikit lebih lama. Oleh itu, penganiayaan berlaku, untuk menggerakkan mereka ke musim yang

seterusnya – musim untuk menjadi saksi “di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai ke ujung bumi”.

Kita hanya boleh hidup dalam keberhasilan jika kita mematuhi masa dan musim Tuhan untuk kita. Di manakah anda berada sekarang dalam musim Tuhan? Di manakah anda berada dari segi musim anda sebagai gereja? Adakah anda telah menerima pencurahan Roh Kudus dan pemberdayaan-Nya? Adakah anda harus bergerak dan memasuki ke dalam musim Tuhan? Atau, kamu telah tinggal di dalam musim anda melebihi masanya?

Apa pendapat anda?

Fokus Doa

1. Berdoa dan meminta Tuhan untuk memberi anda keberanian untuk melangkah ke dalam musim yang Tuhan telah sediakan untuk anda dalam pelbagai bahagian kehidupanmu.
2. Berdoa untuk gereja kamu, kelompok sel kamu, persekutuan kamu, dan lain-lain, agar Tuhan akan memimpin anda ke depan dalam tahun ini memasuki permulaan yang baru.

Hari 7

Hanya Melalui Doa dan Puasa

*Jawab-Nya kepada mereka: "Jenis ini tidak dapat diusir kecuali dengan berdoa."
(Markus 9: 29)*

Murid-murid Yesus berdepan dengan situasi yang sukar, satu situasi yang melebihi sumber dan pengetahuan mereka. Mereka tidak boleh mengusir suatu roh jahat! Mereka tidak kekurangan iman. Malah mereka pernah menyaksikan Kuasa Yesus. Akan tetapi mereka masih tidak boleh melakukannya. Apabila Yesus datang ke dalam situasi tersebut, apa yang mustahil (kepada para murid) telah menjadi mungkin. Selepas itu Yesus berkata, "Jenis ini tidak dapat diusir kecuali dengan berdoa dan puasa."

Dalam perjalanan kita bersama Tuhan, pada masa-masa tertentu kita mungkin akan berdepan dengan suatu cabaran yang melampaui kebolehan kita. Pengalaman yang kita alami bersama Tuhan, pengetahuan kita, sumber yang sedia ada, dan lain-lain, masih tidak mencukupi untuk kita mengalami penerobosan. Jika kita terus kekal di dalam situasi tersebut, lambat-laun diri kita akan tunduk kepada pemikiran yang merosakkan; ketidakpercayaan mulai meresap masuk, meragui diri sendiri malah meragui Tuhan, tuduhan datang, kedagingan akan mengambil alih. Dalam situasi seperti itu, kita tidak boleh terus tinggal di situ. Kita memerlukan Yesus mengambil alih.

Doa menunjukkan kebergantungan kita kepada Tuhan, puasa menunjukkan 'keterdesakkan' kita terhadap Tuhan. Doa dan puasa adalah untuk mencari hadirat dan campurtangan Tuhan dengan bersungguh-sungguh dan dengan sepenuh hati. Kita menyerahkan pandangan kita, sebagai ganti, hikmah Tuhan yang berlipat ganda. Kalau kita berada di landasan yang salah, cuma bertukar arah tuju tidak mencukupi, kita perlu bertukar landasan. Kita perlu bertukar daripada landasan pengalaman manusia ke landasan pekerjaan luar biasa Allah.

Adakah kamu berada di dalam suatu situasi di mana anda berasa lelah? Jangan tawar hati, kerana Tuhan tidak melupai kamu. Dia tidak akan meninggalkan kamu. Tukarlah landasan. Bertekad untuk mencari Dia dengan tekad dalam doa dan puasa.

"Jenis ini tidak dapat diusir kecuali dengan berdoa dan puasa."

Fokus Doa

1. Anda mungkin ingin masuk ke dalam (jika kamu belum memulai) satu masa berpuasa serta mencari wajah Tuhan. Luangkan masa berpuasa ini untuk mengosongkan diri anda daripada keinginan dan pengejaran sendiri. Meminta Tuhan untuk 'muat turun' keinginan hati-Nya ke dalam hati anda. Sesudah itu, mula berdoa untuk apa-apa yang Tuhan letakkan di dalam hati kamu mengenai Kerajaan-Nya.

Hari 8

Tuhan Menyinari Engkau

TUHAN memberkati engkau dan melindungi engkau; TUHAN menyinari engkau dengan wajah-Nya dan memberi engkau kasih karunia; TUHAN menghadapkan wajah-Nya kepadamu dan memberi engkau damai sejahtera. Demikianlah harus mereka meletakkan nama-Ku atas orang Israel, maka Aku akan memberkati mereka." (Bilangan 6: 24-26)

Bila kita berdepan dengan cabaran dalam hidup, kita diajar untuk menghadapkan wajah kita kepada Tuhan untuk pertolongan. Menghadapkan wajah kita kepada Tuhan menandakan kita mencari Dia untuk penyelesaian, penghiburan, pertolongan, pelepasan dan pembekalan. Menghadapkan wajah kita kepada Tuhan bererti kita bergantung pada Tuhan, bahawa kita tidak berdaya lagi untuk bergantung pada sumber dan kebijaksanaan kita sendiri.

Alkitab dalam Mazmur 107 memberitahu kita bahawa walaupun kita mengalami kesukaran kerana dosa dan pemberontakan kita, apabila kita menghadapkan wajah kita pada Tuhan dan berseru pada-Nya, Dia akan menyelamatkan kita daripada semua kecemasan. Bukan kerana kita layak mendapatkannya, atau kita berhak untuk menuntutnya, tetapi hanya kerana kita adalah anak-anak Dia dan kita kepunyaan Dia.

Dalam Berkat Imamat yang kita baca dalam petikan hari ini, Tuhan bukan sahaja menyelamatkan kita daripada kesukaran dan memulihkan kepada kita apa yang telah hilang, malah Dia juga menghadapkan wajah-Nya pada kita dan menyinari kita. Apabila Dia menghadapkan wajah-Nya dan menyinari kita, Dia menatap kita dengan hati yang senang dan ingin menjalin hubungan yang intim dengan kita. Apabila Dia menghadapkan wajah-Nya pada kita, Dia tersenyum pada kita dengan penuh restu. Oleh itu, damai sejahtera boleh diharapkan.

Saya percaya Tuhan akan menghadapkan wajah-Nya pada kita dengan hati yang senang dan penuh restu apabila kita menghadapkan wajah kita pada-Nya dengan kerendahan hati.

Fokus Doa

1. Beritahu Tuhan pergumulan yang paling intim di dalam kamu. Hari ini, curahkan isi hati kamu kepada-Nya. Tidak kira apa pun, tidak kira betapa sukarnya, Dia tetap Allah Bapa yang mengasihi kamu. Dia akan mendengar dan menyelamatkan kamu.

Hari 9

Hati Allah Bapa

Tidak ada seorangpun yang dapat datang kepada-Ku, jikalau ia tidak ditarik oleh Bapa yang mengutus Aku, dan ia akan Kubangkitkan pada akhir zaman.
(Yohanes 6: 44)

Bapa bukan hanya sekadar mengenai jantina. Ini adalah cara Tuhan menyatakan diri-Nya kepada manusia. Ini adalah cara Tuhan berhubung dengan manusia. Konsep 'Bapa' menyifatkan kepada kita seorang pelindung, petunjuk, penghibur, seorang yang mengasihi, yang mendisiplin untuk kebaikan dan masa depan anak-anak, yang menjaga kebajikan anaknya dengan penuh perhatian. Dia seorang yang boleh dipercayai, yang mudah memberi maaf dan yang selamat untuk didampingi malah selamat untuk berseronok. Ya, malah berseronok!

Bapa juga menyifatkan seorang peribadi dimana kita memperoleh identiti kita, rasa nilai diri, rasa kepunyaan kita – seorang yang sentiasa memberkati kita. Akan tetapi, musuh tahu jika dia dapat memutarbalikkan imej seorang 'bapa', maka dia akan berjaya untuk membina satu tembok penghalang yang tebal di antara Tuhan dan manusia. Inilah apa yang berlaku dalam dunia hari ini. Ramai orang mengalami pengalaman yang buruk dan menyakitkan dengan bapa duniawi mereka, justeru merintanginya mereka secara emosi apabila mereka datang ke depan Allah Bapa. Mereka tidak boleh saling berkait. Mereka tidak boleh mempercayai Tuhan sebagai Bapa. Ada yang telah ditolak oleh bapa mereka secara terang-terangan. Kesakitan sedemikian dalam akan diturunkan melalui generasi dan menghalang mereka daripada mendekati Allah Bapa.

Namun, Tuhan mempunyai jalan penyelesaian. Manusia memerlukan seorang Penyelamat. Dia akan menyelamatkan mereka daripada lubang kekeliruan ini. Oleh itu, Dia mengutus Yesus. Tetapi pada masa itu juga, ramai yang masih tidak boleh menerima Penyelamat ini. Anda lihat, Allah Bapa tahu bahawa kecuali manusia berhubung kait dengan Dia sebagai Bapa, mereka tidak akan melihat Penyelamatan ini. Dia sangat mengasihi kita sehingga Dia sendiri membolehkan kita untuk menerima Yesus secara luar biasa, supaya kita boleh berdamai dengan-Nya sebagai Bapa dan anak. Semua ini dilakukan semasa kita masih jauh dari Tuhan, dan mungkin masih marah dengan-Nya.

Inilah Hati Allah Bapa. Tidak kira sejauh mana kita berada, Dia sentiasa akan mencari kita dan menarik kita kembali ke pangkuan-Nya. Inilah hati yang Tuhan mahu semua bapa miliki. Memang, konsep 'bapa' berasal daripada-Nya. Oleh itu, bersyukur kepada Tuhan kerana menjadi Bapa yang Sempurna kepada kita. Marilah kita berdoa dan memberkati semua para bapa dengan Hati Allah Bapa.

Fokus Doa

1. Apakah yang menghindari anda daripada berhubung kait dengan Tuhan sebagai Bapa? Cuba berdoa pada hari ini dengan memanggil Dia sebagai Bapa sepanjang masa doa. Meminta Yesus untuk datang kepada kamu hari ini dan berurusan dengan halangan ini, jika ada.
2. Berdoa untuk semua para bapa, dalam gereja kita, komuniti kita, bapa-bapa rohani dan terutamanya dalam keluarga, agar Hati Allah Bapa akan selalu menduduki hati mereka dan memakai mereka.

Hari 10

Umat yang mengenali Tuhan mereka

Dan orang-orang yang berlaku fasik terhadap Perjanjian akan dibujuknya sampai murtad dengan kata-kata licin; tetapi umat yang mengenal Allahnya akan tetap kuat dan akan bertindak. (Daniel 11: 32)

Mengenali Tuhan bukan hanya sekadar latihan intelektual.

Kedudukan unik umat Allah, iaitu Gereja, di depan Tuhan adalah kita mempunyai satu hubungan perjanjian dengan Dia. Tuhan memandang berat perjanjian kerana Dia adalah Tuhan yang Setia. Dia tidak akan menarik balik firman-firman-Nya. Firman-Nya sama baik dengan perjanjian yang tidak akan gagal.

Berada di dalam sebuah Perjanjian dengan Tuhan yang didirikan melalui Darah Yesus menempatkan kita pada satu kedudukan istimewa. Ia membuka pintu untuk kita menjalin hubungan intim dengan Dia. Ia membuka pintu untuk kita mengetahui hal-hal tersembunyi dalam hati Tuhan. Ia juga membuka gerbang syurga untuk mencurahkan sumber-sumber luar biasa Tuhan ke dalam hidup kita. Ia menjadikan mengenali Tuhan adalah satu kepastian. Akibat daripada semua ini adalah iman kita didirikan yang membolehkan kita mempercayai Tuhan.

Tuhan tidak akan mengecewakan mereka yang mempercayai-Nya. Pemazmur dalam Mazmur 25:1 berseru “kepada-Mu, ya TUHAN, kuangkat jiwaku. Allahku, kepada-Mu aku percaya; janganlah kiranya aku mendapat malu; janganlah musuh-musuhku beria-ria atas aku”. Adalah satu harapan yang munasabah bahawa kepercayaan kita terhadap Tuhan akan membawa perlindungan dan kemenangan Tuhan atas musuh di dalam hidup kita.

Mengenali Tuhan kita bukan sekadar menempatkan kita dalam suatu kedudukan defensif. Ia akan menguatkan kita dan membolehkan kita untuk mencapai kejayaan besar yang tidak boleh dicapai oleh kebolehan dan bakat semulajadi manusia. Eksploitasi yang hebat! Oleh itu adalah sangat penting bagi kita sebagai satu generasi untuk mengenali Tuhan kita kerana kelebihan yang kita perolehi melalui hubungan Perjanjian yang kita jalin dengan Dia. Perjanjian ini diberi kepada kita secara percuma, kita perlu menekan dan dan menggenggam manfaat daripada Perjanjian ini. Kecuali kita mengalami manfaat ini, kita tidak dapat mempengaruhi dan menginspirasi generasi masa depan untuk terus mengasihi Tuhan dan melakukan eksploitasi yang hebat!

Fokus Doa

1. Berdoa agar umat Allah akan mengenali Tuhan mereka secara peribadi. Berdoa untuk seseorang yang anda sangat sayangi dan berharap mereka akan mengenali Allah sebagai Tuhan dan Bapa mereka yang tidak akan menolak dan meninggalkan mereka. Senaraikan nama mereka di bawah dan serahkan kepada Tuhan setiap hari.

Hari 11

Umat yang mengenali Tuhan Kita

Dan orang-orang yang berlaku fasik terhadap Perjanjian akan dibujuknya sampai murtad dengan kata-kata licin; tetapi umat yang mengenal Allahnya akan tetap kuat dan akan bertindak. (Daniel 11: 32)

Kita boleh mengenali Tuhan kita secara intim.

Musa merupakan seorang yang Tuhan berbicara berhadapan muka seperti seorang kawan (Keluaran 33: 11). Hari ini, realiti ini seperti tidak masuk akal, mistik, bahkan tidak mungkin tercapai. Sebab kita boleh mempunyai keintiman sebegitu, mungkin bukan secara fizikal, tetapi pasti secara rohani, adalah kerana hubungan kita didefinisikan oleh Perjanjian Darah Yesus. Tuhan telah berjanji bahawa kita mempunyai kuasa untuk menjadi anak-anak Tuhan jika kita menerima Yesus – mengakui Dia, mengundang Dia ke dalam hidup kita, dan menjadikan-Nya sebahagian dalam hidup seharian kita (Yohanes 1: 12).

Perkataan 'kuasa' (otoritas) dalam bahasa Yunani adalah *exousia*. Kuasa atau otoritas merupakan hak untuk mengakses suatu keistimewaan. Keistimewaan tersebut membolehkan kita untuk mendekati Tuhan sebagaimana seorang anak mendekati bapanya. Berapa ramai di antara kita sebagai anak tidak dibenarkan untuk mendekati bapa kita secara bersemuka? Walaupun ada yang tidak mempunyai peluang untuk berbuat sedemikian kerana mereka telah kehilangan bapa sejak muda, tetapi ia adalah wajar untuk menganggapnya satu hak keistimewaan seorang anak. Ini merupakan sebahagian daripada keistimewaan Perjanjian yang kita miliki sebagai seorang Kristian. Namun, jika kita menafikan hak keistimewaan Perjanjian ini, kita akan mendapati hubungan kita dengan Tuhan akan menjadi semakin asing.

Apabila kita berada di dalam hadirat Tuhan, saya percaya, terdapat perbezaan sejauh langit dan bumi di antara mengetahui bahawa kita adalah anak Tuhan dan melihat diri kita hanya seorang hamba Tuhan. Seorang hamba akan melaksanakan arahan Tuannya dengan taat, tetapi seorang anak tahu isi hati Bapa dan akan melakukan apa yang dalam hati-Nya dengan penuh kasih.

Kita boleh mengenali Tuhan seperti seorang anak ingin mengenali Bapanya kerana Tuhan rindu untuk memperlihatkan diri-Nya kepada kita secara bersemuka. Dia telah memberikan kita kuasa untuk menjadi anaknya, demikian dengan kuasa ini kita boleh mengakses sumber-sumber-Nya dan melakukan eksploitasi yang hebat untuk Kerajaan-Nya. Anda boleh melakukannya!

Fokus Doa

1. Hari ini, cari satu masa dan tempat peribadi untuk berbicara dengan Tuhan, seperti seorang anak berbicara dengan Bapanya. Curahkan isi hati kamu kepada Dia, kerana Dia sentiasa bersedia dan sudi untuk mendengar. Luangkan masa untuk membaca Mazmur 27. Dengarlah apa yang akan dikatakan oleh Bapa kepada kamu.

Hari 12

Dasar yang Berucap

Orang yang baik mengeluarkan barang yang baik dari perbendaharaan hatinya yang baik dan orang yang jahat mengeluarkan barang yang jahat dari perbendaharaannya yang jahat. Karena yang diucapkan mulutnya, meluap dari hatinya." (Lukas 6: 45)

Berapa kerapkah kita mendapati diri kita mengeluarkan kata-kata yang salah atau memberi respons dengan cara yang tidak betul? Berapa kerapkah kita mendapati diri kita berkata "saya minta maaf" kerana itu? Jika perkataan dan respons ini adalah hasil daripada apa yang tersembunyi dalam hati kita, jadi bagaimanakah perkara-perkara ini dapat memasuki ke dalam hati kita terlebih dahulu?

Yesus berucap mengenai 'barang (harta) yang baik' dan 'barang (harta) yang jahat' dari perbendaharaan hati. Harta adalah apa yang kita nilaikan tinggi dan akan menyimpannya atau mencarinya. Harta-harta ini bukan disimpan semalaman, tetapi dikumpul dari masa ke semasa. Kita membenarkan 'simpanan' ini masuk atau disimpan dalam hati kita. Ia mungkin datang daripada persekitaran kita – nilai-nilai yang diajar kepada kita, budaya-budaya popular melalui media, tekanan rakan sebaya (termasuk semua kumpulan umur!), nilai-nilai yang diterima atau diraikan oleh masyarakat kita. Jika ia tidak berkenan dengan Tuhan dan tidak sejajar dengan Firman dan perintah-Nya, sekali dibenarkan untuk masuk untuk suatu tempoh, maka ia akan menjadi satu simpanan di dalam hati kita. Simpanan ini mungkin akibat daripada pemikiran yang berdosa dan respons atau emosi yang tidak ilahi dimana kita telah izinkan masuk dari masa ke semasa – kemarahan, kebencian, kepahitan, dosa yang tidak bertaubat, dan lain-lain. Lama-kelamaan, simpanan ini akan menjadi 'harta' yang tersembunyi di dalam hati kita. Ia akan mengendali dan mengawal cara pemikiran kita, sistem kepercayaan kita, kata-kata kita, perangai kita, respons kita, ia juga akan membentuk iman kita dan menentukan tahap doa dan komitmen kita kepada Tuhan. Akhirnya, ia akan menjadi dasar hidup kita.

Dasar hidup walaupun terkubur dan tidak kelihatan, tetapi ia akan meluap melalui hidup kita. Walaupun sangat penting bagi kita untuk mendisiplinkan kata-kata dan respons kita, tetapi lebih penting jika kita mengundang Tuhan untuk menangani dasar yang rosak di dalam hidup kita. Proses ini mungkin melibatkan mencabut apa-apa yang tidak ilahi, tanam semula, belajar semula dan meletakkan semula apa yang ilahi. Yesus boleh melakukannya. Tumpukan perhatian terhadap harta perbendaharaan hati anda – dasar anda.

Fokus Doa

1. Meminta Tuhan untuk mendedahkan elemen-elemen rosak yang mungkin tersembunyi di dalam dasar a) hidup anda; b) keluarga anda; c) gereja anda; dan, d) negara kita. Akuinya di depan Tuhan. Berdoa dan meminta Tuhan untuk menyingkirkan segala yang tidak ilahi dan menanam unsur-unsur yang ilahi ke dalam dasar-dasar kita.

Hari 13

Dibedakan

Dari manakah gerangan akan diketahui, bahwa aku telah mendapat kasih karunia di hadapan-Mu, yakni aku dengan umat-Mu ini? Bukankah karena Engkau berjalan bersama-sama dengan kami, sehingga kami, aku dengan umat-Mu ini, dibedakan dari segala bangsa yang ada di muka bumi ini?" (Keluaran 33: 16)

Tuhan itu suci, oleh itu, umat-Nya harus juga suci. Perkataan suci bererti 'untuk dikhususkan'. Kesucian peribadi atau korporat selalunya berkaitan dengan perangai, perangai yang ilahi. Akan tetapi kesucian sebenarnya ada kena mengena dengan pembedaan daripada yang lain, dimeterai dengan pemilikan tertentu, didedikasikan untuk yang lain.

Kita adalah umat suci Allah kerana kita memikul meterai pemilikan Roh Kudus. Kita dipunyai oleh Tuhan. Satu ciri penting yang membedakan kita daripada orang-orang di sekeliling kita adalah Hadirat Tuhan. Apapun yang mengalir dari Hadirat Tuhan, apapun yang dijanjikan oleh Hadirat Tuhan, apabila ia jelas ternyata di dalam hidup kita, seluruh dunia di sekeliling kita akan mengenali Tuhan kita.

Setiap kali Hadirat Tuhan ditemui di kalangan umat-Nya, penyembuhan, pembebasan, nikmat, hikmah (di seluruh bahagian kehidupan), mujizat, perlindungan, pembekalan-Nya, dan lain-lain akan menyertai sebagai bukti. Semua yang kita boleh didapati dalam Alkitab yang menggambarkan hadirat-Nya harus menjadi nyata di dalam hidup Gereja. Itulah cara yang Tuhan ingin untuk mengimpak dunia ini melalui umat-Nya, iaitu Gereja hari ini. Kita menjadi bejana-Nya untuk membawa kesaksian kuasa-Nya kepada dunia.

Apabila kita dikhususkan, kita membawa kemuliaan kepada Allah. Kita akan menyembah Dia dengan hidup kita apabila kita dikhususkan untuk-Nya. Apabila kita menyembah Tuhan, Dia akan mendekati kita. Begitulah seharusnya menjadi DNA Gereja!

Fokus Doa

1. Minta penyembuhan, pembebasan, nikmat, hikmah, perlindungan, pembekalan dan hadirat-Nya yang membawa perubahan di dalam hidup anda, pelayanan anda pada Dia, kewangan anda, keluarga anda dan semua orang yang memerlukannya. Izinkan Dia untuk menyempurnakan kehendak-Nya di dalam hidup kamu.

Hari 14

Mengejar Kesucian Rohani

"Buanglah ragi yang lama itu, supaya kamu menjadi adonan yang baru, sebab kamu memang tidak beragi. Sebab anak domba Paskah kita telah disembelih, yaitu Kristus." (1 Korintus 5:7)

Kita hidup dalam dunia yang sangat menyenangkan pada masa kini, untuk terus memuaskan nafsu daging. Internet telah membuka satu pintu masuk yang tidak pernah berlaku sebelum ini kepada dunia maklumat, maklumat yang ilahi dan tidak ilahi, bahkan ada yang sangat mencemarkan. Jika dunia siber ini adalah "gunung budaya moden" yang baru, syaitan pasti bergerak dengan pantas untuk menakluki gunung ini.

Gaya hidup kita di zaman sekarang menyebabkan seorang individu lebih mudah hidup menyendiri jauh dari kehidupan bermasyarakat, atau sekurang-kurangnya mengurangkan interaksi manusia sehingga ke tahap yang paling minimum. Kita berkawan melalui media sosial, kita boleh memilih waktu untuk memberi respon atau memilih sama ada kita mahu respon kepada kenyataan yang dibuat oleh rakan-rakan kita di media sosial. Kita melakukan perbankan melalui talian internet, membeli-belah, melabur dan juga belajar kursus secara keseluruhan melalui talian internet. Sekurang-kurangnya ada sebuah Kolej Alkitab yang saya ketahui, di mana ia sekarang berusaha untuk mengumpulkan para pelajarnya yang mengikuti kursus melalui talian internet untuk berinteraksi secara bersemuka!

Perkembangan ini telah menjadi satu peluang bagi pencemaran rohani untuk masuk ke dalam hidup kita. Akses yang mudah kepada internet telah membuka pintu bagi semua jenis pencemaran untuk masuk ke rumah kita - pornografi, falsafah yang tidak sesuai dengan ajaran Alkitab, nilai-nilai jahat melalui video dan audio, dll. Ruang siber juga menyediakan ruang untuk melarikan diri dan bersembunyi bagi mereka yang mempunyai isu-isu peribadi, isu dendam, isu tidak mengampuni, isu kebencian, dan sebagainya, atau menyebarkan perasaan negatif ini tanpa bernama maka tidak perlu berdepan dengan isu-isu yang belum diselesaikan ini.

Pencemaran, tidak kira betapa sedikitnya, akhirnya mencemar secara menyeluruh. Kotoran rohani yang pelbagai jenis - mengompromikan Firman Tuhan, nilai-Nya dan sifat-Nya, akhirnya mencemarkan kita secara keseluruhan, dan juga akhirnya keseluruhan Gereja. Beri perhatian kepada firman Tuhan yang mengatakan, "Buanglah ragi yang lama itu." Mintalah Roh Kudus untuk mendedahkan kepada anda pada hari ini, dan memilih untuk bekerjasama dengan Dia, membersihkan diri dari pencemaran rohani. Kerana dalam Kristus, ini dapat dilakukan.

Fokus Doa

1. Mintalah Tuhan untuk menguduskan hidup kita agar kita menjadi bekas yang layak digunakan untuk tujuan-Nya. Berdoa untuk generasi kita dan yang seterusnya, bahawa Tuhan akan "melepaskan kita dari segala kejahatan".
2. Mulakan puasa yang didedikasikan/ditujukan kepada Tuhan dan biarlah Dia membersihkan pemikiran, keinginan dan ruang dalaman kehidupan kita.

Hari 15

Kesabaran

“Tuhan tidak lalai menepati janji-Nya sekalipun ada orang yang menganggapnya sebagai kelalaian, tetapi Ia sabar terhadap kamu, karena Ia mengkehendaki supaya jangan ada yang binasa, melainkan supaya semua orang berbalik dan bertobat.”
(Petrus 3: 9)

Pernahkah anda berasa tidak sabar terhadap seseorang yang kelihatannya mengambil masa yang lama untuk berubah? Fikirkan masa ketika Tuhan menunjukkan kesabaran-Nya kepada kita, menanti kita untuk menerima kasih-Nya. Kita sentiasa bersyukur kerana kesabaran Tuhan terhadap kita, menginginkan yang terbaik untuk kita. Kenapa kita tidak berbuat sedemikian dengan orang lain?

"Sukar untuk memahami kesabaran Tuhan. Kesabaran bukan sesuatu yang selalu kita berikan kepada orang lain - kita memerlukan kesabaran dari Tuhan dan orang lain tetapi kita kurang menunjukkan kesabaran.

Kita melihat penderitaan yang dihadapi orang lain dan bertanya-tanya mengapa ia mengambil masa yang lama. Manakala, Tuhan yang selalu melihat dan menjaga, selalu mengetahui, dengan sabar berdiri bersama memberi sokongan-Nya.

Kematangan mengajar bahawa kesabaran adalah sebahagian daripada kebijaksanaan; walaupun perlu menunggu atau mengalami kelewatan/ditangguh untuk mencapai hasilnya, bila saya benar-benar memahami apa yang diinginkan Tuhan semasa saya bersabar, maka kebijaksanaan untuk bersabar itu adalah wajar.

Kepimpinan juga diukur dari segi keupayaan untuk sabar menunggu. Kita harus memimpin dengan penuh keyakinan dan dengan sabar mengharapkan semua yang menyertai kita akan juga berada di garis penamat.

"Kesudahan sesuatu adalah lebih baik daripada permulaannya. Kesabaran lebih baik daripada kesombongan." (Pengkhotbah 7: 8)

"Kamu perlu bersabar supaya dapat melakukan kehendak Allah, dan dengan demikian menerima apa yang dijanjikan-Nya." (Ibrani 10:36)

(Dipetik daripada Renungan Harian oleh Shirley Weaver)

Untuk bersabar dengan orang lain adalah salah satu tanda kasih "kerana kasih itu sabar".

Fokus Doa

1. Mengaku kepada Tuhan kerana ketidaksabaran telah menyebabkan anda melukai hati orang lain, terutama mereka yang dekat dengan anda. Berdoalah kepada Tuhan untuk memberi peluang memperbaiki hubungan yang tegang akibat ketidaksabaran.
2. Mintalah Tuhan untuk mengajar anda kesabaran.

Hari 16

Kasih ada Tanda Harga

"Kasih tidak kebersudahan." 1 Korintus 13: 8a

Kita sering berkata, kasih mesti bersifat tidak bersyarat. Kasih seharusnya tidak ada tanda harga.

Kasih memberi, dan ia memberi dengan sepenuh hati. Tetapi apabila kita mengasihi, adakah kita mengharapkan sesuatu "sebagai balasan"? Mungkin bukan satu balasan dalam bentuk material atau fizikal (walaupun kadang-kala kita ingin balasan seperti itu), tetapi ia mungkin dalam bentuk pengharapan - untuk dihargai, diakui, untuk menerima kasih sebagai balasan, ingin mendengar ucapan "terima kasih", sekurang-kurangnya tidak diendahkan atau diperlakukan secara kasar sebagai balasan.

Walau bagaimanapun, ini tidak selalu berlaku, bukankah begitu? Apabila kita mengasihi dengan pengharapan untuk mendapat balasan, dan apabila yang diharapkan itu tidak berlaku, kita merasa terluka dan kecewa, bahkan berhenti mengasihi sama sekali. Untuk terus mengasihi, maka ada bayarannya. Orang yang mengasihi adalah pembayar, bukan orang yang dikasihi. Orang yang menerima kasih menerimanya secara percuma. Untuk 'pengasih', kasih mempunyai tanda harga!

Setiap orang yang mengasihi tidak terkecuali dari membuat pembayaran. Ibu bapa yang mengasihi anak-anak mungkin tidak dihargai. Kanak-kanak boleh terus memberontak dan berkelakuan secara kasar terhadap ibubapa. Bagi seorang ibubapa untuk terus mengasihi anak itu, dia mungkin perlu menanggung akibat daripada pemberontakan dan kebodohan anaknya sendiri.

Tuhan amat mengasihi kita. Dia menunjukkan kepada kita intipati kasih – yang mengasihi membuat pembayaran, yang dikasihi menerima secara percuma dan secara keseluruhan, tanpa sebarang syarat. Kasih Tuhan untuk kita mempunyai tanda harga juga, dan Yesus membayarnya di Kalvari! Demikianlah Allah mengasihi kita sebagai Bapa!

“Tetapi Allah telah menunjukkan betapa besarnya kasih-Nya kepada kita, kerana Kristus mati bagi kita semasa kita masih berdosa.” (Roma 5: 8)

Fokus Doa

1. Berdoa agar kasih Tuhan mengisi hatimu pada hari ini, supaya anda mengasihi mereka yang dikasihi Tuhan - keluarga anda (suami/isteri, anak, ibu bapa, dll), saudara-saudara anda dalam Kristus, negara anda, jiran-jiran anda dan diri sendiri!

Hari 17

Bentuk Kesalihan

Secara lahiriah mereka menjalankan ibadah mereka, tetapi pada hakekatnya mereka memungkiri kekuatannya. Jauhilah mereka itu. (2 Timotius 3: 5)

Semasa musim durian, kita akan melihat peningkatan dalam penjualan durian di pasar. Bila dilihat dari luar, semua durian kelihatan seperti sama sahaja. Kita akan mengunjungi kedai-kedai yang menjual buah yang "mengkagumkan" ini. Terdapat jenis durian yang mempunyai baka khas, dan ada durian jenis baka tempatan. Sekiranya kita menjamah salah satu jenis durian dan mendapati ia mengecewakan, kita mungkin akan menjauhkan diri dari jenis itu! Jika kita membeli beberapa durian dari kedai-kedai tertentu dan mendapati mereka tidak konsisten dari segi kualiti dan rasa, kemungkinan kita tidak akan lagi kembali mengunjungi kedai itu pada masa akan datang.

Umat Tuhan sepatutnya membawa "perasa Tuhan" ke dalam masyarakat. Umat Tuhan memiliki résumé yang "mengkagumkan" sebagai Tubuh Kristus - wakil nyata Yesus di bumi. Dunia mempunyai jangkaan tertentu terhadap kita sebagai umat Tuhan. Mereka melihat kepada kita sekurang-kurangnya, dalam penerokaan mereka, untuk mencari harapan, jawapan dan memenuhi keperluan mereka.

Kita tidak sanggup hidup tanpa kemenangan yang ada dalam Yesus Kristus. Kita tidak boleh seolah-olah mempunyai kebijaksanaan Tuhan yang nyata, tetapi pada waktu yang sama kita tidak memiliki apa yang benar untuk memuaskan keperluan masyarakat, dan tidak dapat menjadi petunjuk kepada Yesus yang menyakinkan bagi dunia. Kerana melalui umat-Nya, Allah menunjukkan kebijaksanaannya yang unggul, di mana firman menyatakan, "supaya melalui jemaah, semua yang memerintah dan yang berkuasa di angkasa dapat mengetahui pelbagai ragam kebijaksanaan Allah." (Efesus 3:10).

Bentuk kesalehan berbicara tentang sesuatu yang memuaskan. Ibadah yang benar dan sah/tulen, kasih yang tidak bersyarat, kebenaran yang tidak berkompromi, kebenaran yang berpusat pada Tuhan, nilai-nilai yang berlandaskan Alkitab, kebijaksanaan yang membawa kepada kehidupan, dan senarai itu terus berlanjut. Apabila dunia mengambil sesuap dan 'merasakan' kita, adakah mereka akan menikmati khazanah Allah?

Kita memiliki apa yang dicari oleh dunia dan apa yang mereka perlukan. Marilah kita memberi kepada mereka sesuatu yang benar tanpa sebarang kompromi!

Fokus Doa

1. Pada hari ini, kita meluangkan waktu untuk berdoa untuk Gereja, untuk misinya, kesaksiannya dan pelayanannya. Berdoalah untuk diri sendiri, dan murid Yesus yang lain agar kita akan sentiasa dekat dengan Yesus dalam keintiman. Kerana tanpa keintiman dengan Tuhan, kehidupan Kristian kita akan kurang berkuasa.

Hari 18

Penyembah Benar

Tetapi saatnya akan datang dan sudah tiba sekarang, bahwa penyembah-penyembah benar akan menyembah Bapa dalam roh dan kebenaran; sebab Bapa mengkehendaki penyembah-penyembah sedemikian. (Yohanes 4:23)

Ungkapan "penyembah benar" janganlah diimplikasikan yang membawa maksud bahawa ada penyembah yang "kurang dari yang benar", bahkan yang "palsu" di kalangan umat Tuhan. Tetapi apabila Yesus menggunakan ungkapan itu, saya percaya Dia menunjukkan bahawa semua penyembahan yang diterima oleh Tuhan mestilah "dalam roh dan kebenaran".

Mestilah kita menyembah dalam roh, kerana jenis penyembahan yang dikehendaki Tuhan daripada kita harus dilahirkan dari hati, dari intipati keseluruhan diri kita; benar-benar berfokus, komited dengan sepenuh hati. Sebenarnya, kita tidak boleh menyembah Tuhan yang kita tidak kenal, dan penyembahan kita haruslah ikhlas, terutamanya kepada Tuhan, tanpa agenda tersembunyi di pihak kita – jujur dan benar di depan Tuhan. Kita mesti kenal Tuhan kita supaya dapat melakukan ibadah yang boleh diterima oleh-Nya. Kita mesti mempunyai iman mengenai siapakah Tuhan kita sebelum kita dapat mendekati-Nya dalam ibadah. (Ibrani 11: 6)

Kita mesti jujur dengan diri sendiri bahawa kadang-kadang penyembahan kita tidak sepenuhnya "dalam roh dan kebenaran" mengikut cara yang telah diterangkan. Maka kita perlu kembali kepada cara hidup yang konsisten dalam ibadah yang benar. Kerana Tuhan mencari orang yang menyembah Dia. Dia mencari penyembah benar supaya Dia boleh mendekati penyembah-Nya. Penyembahan benar menarik hadirat Tuhan. Apabila hadirat Tuhan berada bersama umat-Nya, kemuliaan-Nya dapat dilihat di dalam umat-Nya.

Doa:

Tuhan, bersihkan dan kuduskan hidupku, agar seluruh hidupku menjadi tempat kudus bagi-Mu. Biarlah seluruh hidupku dengan sepenuhnya dikhususkan kepada Engkau, dikuduskan untuk tujuan Engkau, agar hidupku dapat menarik kehadiran-Mu. Biarlah Kehadiran-Mu tinggal dan kekal di dalam diri saya, sepertimana saya memilih untuk tinggal dan kekal di dalam Yesus, supaya setiap kerja kegelapan dan kesannya dalam hidup saya dan keluarga saya, akan dimusnahkan dan dihapuskan. Dalam Nama Yesus. Amin

Fokus Doa

1. Luangkan masa berterusan untuk menyembah Tuhan, menggunakan ekspresi anda sendiri. Beritahu Tuhan betapa anda mengasihi dan menyembah Dia (menurut keperibadian-Nya), bukan hanya kerana apa yang telah Dia lakukan untuk kamu.

Hari 19

Pertahankan Kebebasan

Kita sekarang bebas, kerana Kristus telah membebaskan kita! Oleh itu pertahankanlah kebebasan kamu dan jangan biarkan diri kamu diperhambakan lagi. (Galatia 5:1)

Pemerhatian umum mengenai sejarah memberitahu kita, kebebasan yang telah diperolehi adalah sesuatu yang perlu dipertahankan dan dijaga. Terdapat negara-negara yang pada satu ketika pernah mengalami kebebasan dari perhambaan, tetapi pada hari ini jatuh ke dalam "perhambaan" yang berbeza. Di sesetengah negara dalam tetingkap "40-70" (negara-negara yang pernah menjadi Negara Kristian yang kuat yang terletak di antara garis lintang 40° Utara hingga 70° Utara), malah ada yang menbantah Doa Tuhan digunakan di sekolah dan di arena orang awam kerana mementingkan "kebetulan politik". Satu nilai baru dan piawaian yang mengawal kehidupan awam, seksualiti manusia, politik, malah agama, yang dibentuk oleh kebijaksanaan dan rasional manusia, telah muncul di dunia hari ini. Kebebasan dan kebebasan sivil telah ditakrifkan semula (diubah) dari masa ke semasa. Nilai dan kebenaran Alkitab telah dilabelkan sebagai ketinggalan zaman, malah dikatakan "menyinggung perasaan".

Kehilangan kebebasan yang diberikan Tuhan dalam masyarakat dan negara bermula dengan individu, dalam individu murid Yesus, dengan Gereja. Paulus memberitahu kita dalam Galatia bahawa Yesus telah membebaskan kita untuk tujuan membawa kebebasan itu dan kebebasan yang berpusat dalam Kristus kepada setiap peringkat dan lingkup kehidupan dan pengalaman manusia. Setiap murid Yesus ditugaskan dengan misi ini. Walau bagaimanapun, kebebasan itu, iaitu kebebasan individu dalam Yesus Kristus perlu dijaga dan dipertahankan dengan hati-hati dan dengan penuh kewaspadaan. Ia tidak kekal secara automatik. Sebaik sahaja kita menyimpang dari kebenaran kata-kata Tuhan kerana kata-kataNya tidak menyenangkan kita, maka kita mencetuskan satu perjalanan yang menurun dan berliku ke arah pemusnahan dan penghakiman.

Alkitab memberi amaran kepada kita tentang kuasa-kuasa kerosakan dosa yang tersembunyi dan mengompromikan kata-kata Tuhan. "Ragi sedikit boleh menjadikan seluruh adunan naik." (Galatia 5:9). Benarkan Roh Kudus untuk mendedahkan kepada kita secara berterusan di mana kita telah menyimpang dari Jalan-Nya, Kebenaran-Nya. Bawa setiap perkara tersebut kepada Tuhan dalam pertaubatan. Tidak ada gunanya berusaha membetulkan kehidupan kita pada masa sekarang, sambil mengabaikan dosa-dosa dan ketidaktaatan kita yang lalu. Apabila akar dosa diputuskan, peningkatan kemusnahan akan berhenti. Apabila kebebasan kita dalam Kristus dipelihara, rahmat Tuhan akan berlimpah.

Fokus Doa

1. Hari ini, ingatlah orang-orang Kristian yang telah menjadi dingin dalam iman mereka, atau menjadi suam-suam kuku, atau telah kecewa dengan Tuhan, atau mereka yang rasa tawar hati. Mintalah Tuhan untuk berjumpa dengan mereka dimana mereka berada dan membawa mereka kembali mengasihi-Nya seperti ketika mereka mula-mula percaya kepada-Nya.

Hari 20

Kerajaan yang Bernilai Tinggi

Saudara-saudara kita telah mengalahkan dia dengan darah Anak Domba dan dengan berita daripada Allah yang diisytiharkan mereka. Mereka tidak cuba menyelamatkan diri, tetapi rela mengorbankan nyawa. (Wahyu 12:11)

Eric Liddell, seorang peserta Olimpik dari Scotland yang bertanding dalam Sukan Olimpik di Paris pada tahun 1924, adalah lelaki yang mengilhami filem Chariots of Fire. Berbeza sedikit daripada cerita filem itu, sebelum dia tiba di Paris, dia dimaklumkan bahawa saringan 100 meter yang dia akan bersaing jatuh pada hari Ahad. Walau bagaimanapun, dia enggan bersaing dalam acara kesayangannya kerana ia akan menentang pendiriannya sebagai seorang Kristian untuk memelihara hari Sabat. Dia akhirnya bertanding dalam perlumbaan 200 meter dan 400 meter, keduanya bukan acara terkuatnya. Dia terus memenangi pingat gangsa dalam 200 meter dan emas dalam 400 meter, dan juga menetapkan rekod Olimpik yang baru. Dia kemudiannya menjadi mubaligh ke negeri China dan meninggal dunia pada tahun 1945 sebagai tawanan perang.

Kita mungkin melihat kehidupan Eric Liddell sebagai satu kehidupan yang mempunyai pengakhiran yang tidak menyenangkan. Walau bagaimanapun, saya percaya seperti ramai hamba-hamba Tuhan yang lain dalam Kerajaan Allah, memajukan Kerajaan-Nya kadang-kadang memerlukan umat Tuhan untuk melakukan pengorbanan. Pengorbanan ini perlu, jika kita mahu berdiri dan dikira sebagai orang yang setia kepada Allah. Pengorbanan itu kadang-kala perlu apabila kita enggan berkompromi nilai-nilai murni dan prinsip-prinsip Alkitab. Nilai dan prinsip tersebut tidak boleh diperundingkan.

Hari ini, ramai pengikut Yesus berdepan dengan cabaran untuk berkompromi Firman dan panggilan Tuhan. Pilihan untuk kita tidak semestinya mudah. Tetapi apa yang kita pilih akan mempunyai implikasi/akibat yang kekal, bukan hanya untuk kita ketika kita berdiri di hadapan Tuhan pada suatu hari nanti, tetapi juga untuk orang lain di sekeliling kita dan generasi masa depan. Pilihan kita akan menentukan samada kita menjadi seorang yang menang atau "pengompromi" yang kehilangan kesaksian kita. Pilihan kita akan menentukan samada kita akan mengalami mujizat Tuhan dalam kehidupan kita atau menjalani kehidupan yang biasa/keduniaan dan tidak berbuah. Pilihan-pilihan ini akan menentukan samada kehidupan kita adalah satu warisan yang baik, satu galakan untuk generasi akan datang untuk diikuti mereka – suatu inspirasi kepada iman, atau kehidupan yang tidak mempunyai kesan positif terhadap orang lain.

Apabila datangnya cabaran, bangkitlah untuk mengatasinya!

Fokus Doa

1. Berdoalah agar umat Allah dari semua lapisan masyarakat dikuatkan. Berdoa agar kita hidup tanpa berkompromi untuk kemuliaan Allah.

Hari 21

Iman Yang Progresif

Hamba sudah membunuh singa mahupun beruang, dan orang Filistin yang tidak mengenal Allah itu, juga akan hamba perlakukan seperti binatang itu, kerana dia berani mencabar tentera Allah yang hidup. TUHAN sudah menyelamatkan hamba daripada singa dan beruang; Dia juga akan menyelamatkan hamba dari orang Filistin itu.”

(1 Samuel 17:36-38)

Berapa ramai di antara kita mengingat kebaikan Tuhan pada suatu ketika dalam hidup kita? Berapa ramai daripada kita boleh memberi kesaksian tentang kebaikan-Nya, mujizat, kejayaan, kesembuhan, dan lain-lain yang diberi oleh Tuhan dalam kehidupan peribadi kita? Saya amat yakin setiap orang daripada kita dapat mengingat pengalaman pertemuan kita dengan Tuhan atau rahmat-Nya dalam hidup kita pada masa lalu. Apakah kesan pengalaman itu terhadap iman kita? Saya juga yakin bahawa ia telah menyumbang kepada pengetahuan kita mengenai Tuhan dan kepercayaan kita kepada-Nya.

Perkara tentang iman adalah seperti situasi "ayam dan telur". Adakah kita mempunyai iman terlebih dahulu sebelum kita boleh percaya kepada-Nya? Atau adakah kita mempercayai Dia terlebih dahulu sebelum kita mengalami iman dalam hidup kita? Iman kita bertumbuh ketika kita semakin percaya kepada Tuhan. Kita mulakan dengan mempercayai Tuhan untuk perkara-perkara kecil, misalnya berdoa untuk tempat letak kereta di kawasan yang sibuk, meminta Tuhan untuk membantu kita lulus dalam ujian, berdoa untuk cuaca yang baik untuk aktiviti -aktiviti gereja, dan lain-lain. Allah mendengar semua permintaan harian kita. Kadangkala, kita mendapat jawapan yang baik dari Tuhan. Inilah cara Tuhan menemui kita di peringkat iman kita masing-masing. Dia menjawab permintaan-permintaan ini untuk meneguhkan dan membina iman kita terhadap-Nya, supaya kita dapat menggunakan iman kita dalam hal-hal yang lebih besar dalam hidup kita dan dalam Kerajaan-Nya. Inilah proses perlengkapan bagi kita.

Daud melalui proses pembinaan iman ini. Dia mengalami perlindungan, kekuatan dan pembebasan Tuhan ketika menjaga binatang ternakannya. Imanya dibina dari masa ke semasa sehingga dia mempunyai iman untuk perkara-perkara yang lebih penting, hal-hal berkaitan kemuliaan Tuhan dan takdir bangsa Israel.

Sambil kita berdoa untuk bangsa dan Gereja, marilah kita maju seperti yang dilakukan oleh Daud. Marilah kita merenungkan semua peristiwa di masa lalu di mana kita telah mengalami Tuhan secara peribadi. Marilah kita mengingati kesetiaan, kebaikan dan kuasa Tuhan yang mendorong kita untuk mempercayai-Nya dalam hal-hal yang lebih besar, sambil menumpukan doa kita kepada "Misi Gereja, Destini Negara".

Semoga Kerajaan-Nya datang, semoga kehendak-Nya dijadikan - di bumi seperti di Syurga.

Fokus Doa

1. Fikirkan tentang Misi Gereja dan apakah rencana Tuhan untuk negara Malaysia. Mintalah Tuhan untuk melengkapinya dan membina Gereja-Nya agar kita dapat melaksanakan Misi-Nya secara berkesan di dunia ini. Berdoa untuk Malaysia supaya kita akan menjadi sebuah negara yang saleh, mencerminkan kebenaran dalam setiap aspek negara ini.

Hari 22

Wahyu yang Progresif

Sebab di dalamnya nyata kebenaran Allah, yang bertolak dari iman dan memimpin kepada iman, seperti ada tertulis: "Orang benar akan hidup oleh iman. (Roma 1:17)

Tuhan mewahyukan diri sendiri secara progresif, bukan hanya melalui sejarah dan Alkitab, tetapi juga dalam kehidupan seorang Kristian.

Apabila Tuhan menampakkan diri-Nya kepada kita melalui Firman dan perbuatan-Nya (melalui mukjizat dan penyembuhan), Dia mengundang kita untuk mengenali Dia secara intim dan membina hubungan dengan-Nya. Sama ada kita akan menerima lebih banyak wahyu yang lebih mendalam daripada Tuhan dan oleh itu menikmati kebebasan dan berkat yang lebih besar, bergantung sepenuhnya kepada kita. Cara kita memberi respon kepada setiap wahyu mengenai diri Tuhan akan menentukan sama ada kita akan mengalami Tuhan secara lebih mendalam dalam hidup kita. Untuk bertumbuh dalam kematangan rohani, kita perlu memberi respon kepada wahyu Tuhan:

- dengan iman, mempercayai apa yang dikatakan oleh-Nya;
- dengan menghargai setiap wahyu-Nya, dan menganggapnya sebagai satu keistimewaan untuk mengenali Dia;
- dengan lebih mendekati Tuhan, ingin lebih mengetahui kehendak-Nya; dan
- dengan ketaatan, memperhatikan Firman-Nya, menuruti Tuhan dengan serius.

Dengan iman kita menerima wahyu dan Firman-Nya, dan Firman-Nya dapat meneguhkan iman kita. Dengan iman yang semakin kuat, kita meningkatkan kemampuan kita untuk menerima lebih banyak daripada Tuhan, pemahaman yang lebih mendalam tentang perkara-perkara berkaitan Tuhan dan Kerajaan-Nya, pengalaman yang lebih mendalam mengenai penyembuhan, pemulihan dan hadirat-Nya. Maka Tuhan akan menjadi suatu kenyataan kepada kita. Dari iman ke iman kita bertumbuh, dengan iman kepada Allah dan janji-janji-Nya dan Firman-Nya, kita menjalani hidup kita dalam realiti Tuhan yang supernatural.

Dengan iman yang progresif kita menerima wahyu secara progresif. Dengan wahyu yang progresif kita berjalan secara progresif ke dalam destini Allah untuk kita.

Fokus Doa

1. Berdoa agar umat Allah berakar dalam Firman-Nya. Berdoalah agar kita akan mengalami lebih banyak pemulihan-Nya. Ketika kita bertumbuh dalam pengetahuan peribadi tentang Allah, kita juga akan bertumbuh dalam iman dan kesaksian, menjadi orang yang hidup di hadirat supernatural Allah.

Hari 23

Cahaya kepada Bangsa-bangsa

Bangkitlah, dan bersinarlah, hai Yerusalem, cahaya penyelamatanmu sudah datang; TUHAN menyinari engkau dengan kemuliaan-Nya. Bangsa-bangsa lain akan diliputi kegelapan, tetapi cahaya TUHAN akan bersinar atasmu; cahaya hadirat-Nya akan menerangimu. Bangsa-bangsa lain datang kepada cahayamu, dan raja-raja tertarik kepada cahaya yang terbit bagimu. (Yesaya 60:1-3)

Apabila kegelapan menutupi bumi akibat dosa-dosa yang dilakukan di bumi, kegelapan juga meliputi manusia. Alkitab menerangkannya sebagai "kegelapan tebal". Apabila orang hidup dalam kegelapan, mereka akan terpengaruh oleh jalan kegelapan. Apabila manusia tunduk kepada jalan kegelapan, kegelapan akan merayap ke dalam jiwa mereka dan menjajah jiwa mereka, memudahkan roh manusia dan menyiksa tubuh badan mereka. Begitulah teruknya akibat membenarkan kegelapan berlaku di tanah kita dan ke atas hidup kita.

Kegelapan akan berlipat ganda jika dibiarkan sahaja. Ia hanya dapat diatasi dengan cahaya. Cahaya ini mesti datang dari luar. Kerana kegelapan tidak dapat menghasilkan cahaya. Cahaya yang Mengatasi akan berhadapan dengan kegelapan yang meliputi tanah, meliputi manusia dan kegelapan di dalam masyarakat. Kegelapan disebabkan oleh dosa. Oleh itu, apabila Cahaya menyinari, ia akan mendedahkan dosa-dosa tanah dan penduduknya. Kemudian rakyat mempunyai pilihan: untuk bersetuju dengan Cahaya dan bertaubat, supaya mereka dapat keluar dari kawalan dan kesan kerosakan kegelapan, atau mengabaikan apa yang telah dinyatakan oleh Cahaya dan meneruskan hidup seperti biasa.

Setiap Krismas kita merayakan kedatangan Cahaya kepada bangsa-bangsa, harapan umat manusia, iaitu Yesus Kristus. Apakah yang Dia tunjukkan kepada kamu dalam Firman-Nya dan melalui Roh Kudus-Nya? Pilihlah untuk menuruti Dia dengan menolak dosa dalam hidup anda. Pilihlah untuk membenarkan Cahaya bersinar ke atas kamu. Kerana dengan sedemikian, cahaya kamu akan bersinar. Kemuliaan Tuhan yang berkait dengan hadirat-Nya akan kelihatan dalam diri kamu. Masyarakat di sekeliling kamu dan bangsa-bangsa lain akan melihat hadirat Tuhan dalam diri kamu dan akan tertarik kepada kamu.

Sebagai jemaat Tuhan di negara ini yang berdoa untuk bangsa kita, kita tidak sanggup kehilangan cahaya ini dalam kehidupan kita. Sekiranya kegelapan masih berlaku di kalangan rakyat, bahkan di kalangan umat Tuhan, kita tidak boleh mempengaruhi masyarakat kita dan berdoa untuk negara kita secara berkesan.

Semoga Cahaya kepada dunia, iaitu Yesus, bersinar ke atas hidup kamu supaya kamu menjadi cahaya kepada dunia!

Fokus Doa

1. Berdoa untuk semua murid Yesus agar bangkit dan bersinar di posisi dalam kehidupan mereka masing-masing - dalam keluarga mereka, di tempat kerja, di sekolah, kolej, universiti, dalam pelayanan, dalam kepemimpinan, dan lain-lain. Bersama-sama kita sebagai umat Tuhan menjadi berkat kepada bangsa-bangsa.

Hari 24

Penyelamat dari Sion

Saudara-saudaraku! Aku ingin kamu mengetahui suatu kebenaran yang belum diketahui orang. Jika kamu mengetahui perkara itu, kamu tidak akan menganggap diri kamu sangat bijak. Ketahuilah bahawa kedegilan umat Israel itu untuk sementara sahaja; sikap itu berlaku sehingga lengkap bilangan orang bukan Yahudi yang datang kepada Allah. Beginilah semua orang Israel akan diselamatkan. Di dalam Alkitab tertulis, "Penyelamat akan datang dari Sion, Dia akan menghapuskan segala kejahatan keturunan Yakub. Aku akan membuat perjanjian ini dengan mereka, pada waktu Aku mengampunkan dosa mereka."

(Roma 11: 25-27)

Di tengah-tengah banyak peristiwa kontroversi yang mengelilingi Yerusalem dan Israel, kita masih ingat bahawa Yesus dilahirkan dan disalibkan di Israel. Daripada Israel yang bersejarah dan ternyata dalam Alkitab, datangnya Penebus dan Juruselamat dunia. Apabila Yesus Anak Allah masuk ke dalam sejarah manusia, itu mengubah segala-galanya! Dia menyelamatkan umat manusia dari akibat dosa jika kita memilih untuk menerima-Nya. Dia mengalahkan kegelapan dan seluruh kerajaannya, mendedahkan pembohongannya, dan melucutkan senjatanya yang paling kuat – iaitu maut. Dia membolehkan manusia hidup seperti yang dikehendaki oleh Allah pada mulanya – sebagai manusia milik Allah secara intim.

Bolehkah Tuhan menghantar Juruselamat untuk dilahirkan di mana-mana negara yang lain? Ya, saya rasa Dia boleh, tetapi Dia memilih Israel menjadi buaian harapan manusia. Dia tidak membuat keputusan itu secara spontan, tetapi Dia telah menubuatkan rencana-Nya sejak awal lagi sebelum kejadian itu berlaku. Destini Israel adalah untuk memenuhi tujuan penebusan Tuhan bagi dunia. Israel tidak mempunyai tujuan lain selain tujuan Tuhan.

Gereja adalah ciptaan baru Allah. Kita sebagai Gereja Allah tidak mempunyai tujuan lain dalam kehidupan kecuali tujuan dari Allah - yaitu hidup dan mengisytiharkan keselamatan, penyembuhan dan pembebasan yang telah kita terima, dan menerima secara berterusan daripada Penebus dan Juruselamat yang Maha Perkasa ini.

Kita bersyukur dan memuji Tuhan kerana Dia dengan telitinya merancang dan melaksanakan rencana penyelamatan dan pemulihan bagi umat manusia, dan kita yang memilih untuk mengikuti Yesus adalah penerima manfaat anugerah Tuhan. Dari Sion, Penyelamat kita telah tiba!

Fokus Doa

1. Berdoalah untuk mengetahui hati Tuhan bagaimana Dia mahu kamu menjalani hidup kamu agar Dia dimuliakan. Mintalah Tuhan untuk menggunakan kamu sejajar dengan tujuan-Nya membawa kamu ke dunia ini. Bersedia dengan hati yang terbuka dan tunduk, patuh kepada Tuhan apabila Tuhan berbicara kepada kamu.

Hari 25

Berhubung atau Terputus Hubungan

"Beli kebenaran, dan jangan menjualnya, juga kebijaksanaan dan pengajaran dan pengertian." (Amsal 23:23)

Saya berada di dalam kereta dengan keluarga saya apabila saya mendengar melalui radio: rang undang-undang perkahwinan sejenis yang dibentangkan di Parlimen Australia telah mendapat sokongan yang sangat besar.

Perkahwinan sejenis telah menjadi isu yang mencabar di kebanyakan negara pada masa kini. Ia telah mencabar Gereja mengenai kedudukannya tentang isu ini; ramai yang memberi pendapat mereka termasuklah dari kalangan ahli teologi. Apa yang dikatakan Alkitab mengenai perkara ini? Apakah pandangan Tuhan mengenai isu ini yang dihadapi oleh tamadun moden? Jemaat yang merupakan Tubuh Kristus, umat Tuhan, dijangka menjadi seperti kompas moral untuk dunia. Namun, perkara yang membimbangkan adalah bahawa Gereja tidak sependapat mengenai isu ini, apalagi kalau disuruh untuk menyediakan panduan dan penyelesaian.

Satu-satunya sebab Gereja boleh menjadi suara Tuhan di dunia adalah apabila Gereja berhubung rapat dengan Tuhan yang disembahnya. Ketika kita berhubung dengan Tuhan dalam hubungan intim, tanpa kompromi, kita mendengar suaranya, kita tahu apa yang ada di hati-Nya. Pada saat di mana hubungan Gereja dengan Tuhan dikompromikan, kadang-kadang tidak semestinya terputus daripada-Nya, tetapi mempunyai hubungan yang "mengalami kerosakan atau gangguan" dengan Tuhan – bila hubungan terputus, kita tidak akan dapat mendengar suara-Nya dan memahami hati-Nya. Ketika Gereja berada dalam keadaan terputus daripada Tuhan, kita tidak dapat memberi kepemimpinan moral, penyembuhan dan harapan kepada masyarakat.

Cabaran kepada kita di Gereja pada masa kini adalah untuk kembali mencari hubungan yang benar, intim dan tanpa kompromi dengan Tuhan. Ketahuilah Firman-Nya, berjalan dalam kebenaran-Nya, hidup dalam realiti Roh Kudus-Nya, mendorong antara satu sama lain untuk melakukan hal yang sama, semua ini pastinya bukan satu pilihan untuk kita. Kerana jika kita mengabaikannya, bukan sahaja kita akan kehilangan kesaksian kita untuk Yesus di dunia dalam generasi kita, kita juga akan menanggung risiko menyerahkan generasi masa depan kita ke tangan musuh.

Apa yang berlaku hari ini adalah kerana pilihan kita pada masa lalu. Keputusan kita pada hari ini akan menentukan masa depan kita. Pilihlah dengan bijak.

Fokus Doa

1. Di tengah-tengah keadaan dunia sekarang di mana terdapatnya pelbagai cabaran yang menentang nilai-nilai Alkitabiah, marilah kita berdoa untuk satu sama lain bahawa iman kita akan berurat-berakar dalam kebenaran dan kasih Allah. Berdoalah supaya umat Allah mengasihi sebagaimana Tuhan mengasihi, bukan mengikut piawaian dan cara dunia. Ingatlah ahli kelompok sel anda, gereja dan keluarga anda, berdoa agar kita sentiasa berhubung dengan Tuhan.

Hari 26

Pengubah Dunia atau Penghuni Dunia

Dan namamu termasyhur di antara bangsa-bangsa karena kecantikanmu, sebab sangat sempurna adanya, oleh karena semarak perhiasan-Ku yang Kuberikan kepadamu, demikianlah firman Tuhan ALLAH." (Yehezkiel 16:14)

Beberapa tanaman seperti kelapa sawit, mengubah persekitaran dan tanah di mana ia ditanam. Bukan sahaja penampilannya secara radikal berbeza daripada tanaman di sekitarnya (biasanya), tetapi ia juga mempengaruhi apakah jenis tanaman yang wujud bersama dengannya. Sementara terdapat tanaman yang sehati dengan persekitarannya, terdapat juga beberapa yang melindungi dan meningkatkan persekitarannya.

Dalam Perjanjian Lama, Israel dilahirkan sebagai umat pilihan Allah, untuk pergi ke seluruh dunia, untuk mempamerkan kombinasi ciri-ciri yang telah saya nyatakan di atas. Gereja juga hampir sama seperti orang Israel di dalam Perjanjian Lama, di mana kita adalah umat perjanjian Allah melalui Yesus Kristus. Kita berada di dalam dunia tetapi bukan dari dunia. Sekiranya kita dipengaruhi, sebagai penghuni dunia, kita akan menjadi seperti bangsa-bangsa pagan di sekeliling kita, menolak dan mengabaikan penyembahan kepada Allah di dalam Alkitab. Sekiranya kita secara paksa mengenakan kehadiran dan nilai kita kepada dunia, kita disifatkan sebagai "penceroboh". Namun, sekiranya kita tinggal diantara masyarakat dan bangsa-bangsa, dan menunjukkan nilai-nilai kerajaan dalam semua urusan dan perhubungan kita, kita disifatkan sebagai Pengubah Dunia.

Gereja dipanggil untuk menjadi Pengubah Dunia. Kita melindungi masyarakat kita daripada kemusnahan akibat dosa dan kerajaan kegelapan, dengan mengongsikan Injil dan mengajarkan Firman Tuhan. Kita menjadi garam dan terang dunia, untuk meningkatkan kehidupan yang diberikan Allah kepada dunia – hidup berkelimpahan. Oleh sebab itu, kita tidak harus bersembunyi dan tidak dilihat atau didengar.

Penghuni Dunia hanya mahu tinggal dengan damai di dunia dengan apa cara sekalipun, tidak mengoyahkan falsafah kehidupan. Pengubah dunia berlainan, mencari kemakmuran kota di mana ia tinggal, mencari yang terbaik dari Tuhan untuk masyarakat dan bangsa-bangsa. Kita harus dilihat dan didengar.

Fokus Doa

1. Berdoa untuk diri kita agar kita dapat menghidupi kebenaran dan Firman Allah setiap hari, mengizinkan Ia menyucikan kita, agar kita dapat menjadi Pengubah Dunia dan bukan hanya Penghuni Dunia.
2. Berdoa untuk kesejahteraan kota, bandar, kampung, dll dan semua yang tinggal didalamnya.

Hari 27

Kita menabur Dia memberi Upah

“Lihat, itu Tuhan ALLAH, Ia datang dengan kekuatan dan dengan tangan-Nya Ia berkuasa. Lihat, mereka yang menjadi upah jerih payah-Nya ada bersama-sama Dia, dan mereka yang diperoleh-Nya berjalan di hadapan-Nya.” (Yesaya 40:10)

Kehidupan kita disamakan dengan pelaburan. Tiada satu pun yang terjadi kepada kita hari ini yang memutuskan hubungan kita daripada apa yang kita tabur pada masa lalu. Segala sesuatu yang kita lakukan hari ini mempunyai akibat secara langsung dengan masa depan kita. Sekiranya kita menabur dengan bijak pada hari ini, kita pasti dapat menuai dengan melimpah tuaian kebenaran. Tetapi ingat, walaupun menabur adalah tanggungjawab kita, Tuhanlah yang akan memberikan upah kepada kita dengan murah hati.

“Ganjaran Tuhan tiba bersama Dia dan ia adalah menurut apa yang telah dilakukan sebelumnya. Tuhan juga memberi upah menurut apa yang simpan di dalam – di dalam hati, luaran kita, harta tersembunyi.

Kenaikan pangkat datang daripada Tuhan sebagai upah dengan kesan kekal. Upah semulajadi juga, menggambarkan pelaburan kelmarin. Manusia memberi ganjaran untuk mereka sendiri di mana Allah tidak akan, dan Allah memberi ganjaran di mana manusia tidak dapat. Kita memerlukan pewahyuan!

Bahagian yang paling terdalam adalah hati – selalunya. Kita harus melakukan seperti Daud; Dia berdoa untuk kebenaran di bahagian terdalam dalam hidupnya: “Sesungguhnya, Engkau berkenan akan kebenaran dalam batin, dan dengan diam-diam Engkau memberitahukan hikmat kepadaku.” (Maz 51:6)

Ganjaran Tuhan adalah bersama Dia.”

(Digunapakai daripada Shirley Weaver’s Daily Devotional)

Bersemangatlah hari ini. Pilihlah untuk menabur kebaikan, dan kesalehan. Ganjaran Tuhan adalah tuaian kita!

Fokus Doa

1. Mohonlah kepada Tuhan untuk menunjukkan kepada anda dimanakah yang Dia mahu untuk kamu menabur kebenaran, kasih, kebaikan dan belas kasihan-Nya. Berdoa untuk bimbingan-Nya sementara Dia mengajar kamu bagaimana untuk menabur.

2. Berdoa kepada Tuhan sekiranya kamu menabur daripada benih yang tidak saleh pada masa lalu, untuk mengampuni kamu dan melakukan pemutaran yang ajaib.

Hari 28

Apabila kelebihan kita tidak cukup

“Tetapi harta ini kami punyai dalam bejana tanah liat, supaya nyata, bahwa kekuatan yang melimpah-limpah itu berasal dari Allah, bukan dari diri kami.”

(2 Korintus 4:7)

Manusia yang diciptakan dalam gambaran Allah, memiliki kemampuan untuk mencapai banyak pencapaian. Bagi diri kita sendiri, kita dapat mencipta, mengatasi masalah, mengurus kehidupan kita (kadang-kala cuba untuk mengurus kehidupan orang lain, juga!) membina sesuatu dan merobohkannya.

Isteri saya dan saya mempunyai kesempatan untuk mendengar daripada Dr. Caroline Leaf, seorang neurosaintis Kristian yang terkenal, menjelaskan bahawa kuasa fizikal otak hanya dilepaskan oleh minda – proses pendapat dan pemikiran kita. Menariknya ialah struktur fizikal otak dan cara ia berfungsi, ia malah lebih menarik untuk belajar akan potensinya apabila pemikiran yang benar atau saleh ditambahkan ke dalamnya.

Ini bukanlah tentang kuasa “pemikiran positif”. “Pemikiran positif” mungkin meningkatkan pekerjaan otak, yang menghasilkan emosi yang sihat. Tetapi, meskipun dengan usaha terbaik manusia, dalam mencuba untuk “memperbaharui minda”, ia sukar untuk membuka secara sepenuhnya potensi minda yang besar, sebagaimana yang telah Allah reka. Kunci yang penting dan tidak dapat disangkal adalah Roh Kudus bekerja di dalam dan melalui roh dan jiwa manusia, dan Firman Allah, yang rohani, mengaktifkan sel-sel fizikal dalam otak kita. Sungguh menakjubkan!

Apapun keadaan atau cabaran-cabaran yang kita hadapi dalam kehidupan kita, terdapat hasil yang signifikan apabila kita memberikan usaha yang terbaik – lebih banyak membaca, lebih banyak berdoa, lebih banyak melayani, menerima lebih banyak pelayanan, dan sebagainya. Tetapi tanpa kuasa aktif Roh dan Firman, kita mendapati hasilnya kurang daripada yang kita harapkan. Dengan usaha dan pemikiran kita sendiri, kita tidak akan pernah menjadikan hidup kita menjadi terbaik, terbaik seperti yang Tuhan inginkan. Hanya apabila kita menyerahkan kecemerlangan kita, usaha terbaik kita kepada Tuhan, sebagai pertukaran, kita akan menerima kemuliaan Allah, yang dinyatakan melalui kehidupan kita. Bukannya kita menjadi pasif, tetapi menyedari bahawa kita harus mengambil tanggungjawab kita untuk mencari Tuhan, mentaati Dia, dan mendisiplinkan diri kita, dan pada masa yang sama, bersandar kepada pekerjaan Roh Kudus dan percaya akan Firman-Nya yang tak pernah gagal.

Apabila usaha terbaik kita tidak cukup, benarkan Tuhan datang ke dalam kehidupan kita dan biarlah Yesus menjadi Tuhan di setiap kehidupan kita, bermula dengan fikiran kita!

Fokus Doa

1. Putuskan sungguh-sungguh untuk menghentikan semua usaha hari ini. Benarkan Firman Tuhan terlebih dahulu menguasai dan mengubah fikiran kita. Luangkan hari ini untuk membaca Mazmur 119. Responi dengan doa menurut Mazmur ini.

Hari 29

Kamu harus dilahirkan kembali

“Janganlah engkau heran, karena Aku berkata kepadamu: Kamu harus dilahirkan kembali. Angin bertiup ke mana ia mau, dan engkau mendengar bunyinya, tetapi engkau tidak tahu dari mana ia datang atau ke mana ia pergi. Demikianlah halnya dengan tiap-tiap orang yang lahir dari Roh.” (Yohanes 3:7-8)

Keturunan kita mempunyai sangkut paut tertentu dalam kehidupan kita. Lebih daripada pengaruh budaya atau cara dibesarkan, kita dipengaruhi oleh warisan nenek moyang kita. Ia ada dalam DNA – DNA rohani. Kita mewarisinya tanpa memilih. Ia mempengaruhi pemikiran, cara berfikir, sistem kepercayaan, ia mengawal cara kita memproses maklumat, dan kemudiannya pengaruh dan keputusan kita.

Oleh sebab itu tidak hairanlah Yesus memberitahu Nikodemus bahawa dia harus dilahirkan kembali sekiranya dia mahu melihat Kerajaan Allah. Kecuali kita diubahkan oleh Roh Kudus secara dalaman, kita tidak dapat melihat pewahyuan Kerajaan Allah. Kecuali kita masuk ke dalam “Kelahiran Baru”, kita tidak dapat menjalani realiti Kerajaan Allah. Semasa lahir, kita memulakan sebuah perjalanan dengan kehidupan yang diwarisi dari nenek moyang, yang tertulis dalam DNA kita, termasuklah DNA rohani kita. Apabila kita bertemu dengan Yesus, kita diberikan “hak” untuk DNA rohani yang baru. Pada kelahiran baru, kita memulakan perjalanan “Penggantian DNA”, kita mula menjalani kehidupan dengan warisan baru daripada Bapa.

Ini bermaksud kita dapat mengharapkan cara pemikiran yang baru, cara berfikir yang baru, sistem kepercayaan yang baru, pilihan yang saleh, pemahaman yang baru, cara baru untuk memproses maklumat kehidupan, dll – peribadi yang baru! Harapkan perkara yang baru daripada Tuhan hari ini.

Fokus Doa

1. Undanglah Tuhan untuk memperbaharui kita dengan Roh Kudus-Nya. Berdoa untuk meminta Tuhan melakukan transformasi yang mendalam yang bekerja dalam kita, supaya kita dapat memiliki pikiran Kristus, mengenal Kasih Bapa, dan hidup dalam kuasa Roh Kudus.

Hari 30

Kerasukan dan identiti

Mereka datang kepada Yesus dan melihat orang yang kerasukan itu duduk, sudah berpakaian dan sudah waras, orang yang tadinya kerasukan legion itu. Maka takutlah mereka. (Markus 5:15)

Berapakah nilai hidup seseorang? Sekiranya nilai seseorang diukur oleh daya kegunaannya, iblis pastinya menilai tubuh manusia dengan sangat tinggi. Dia memerlukan tubuh manusia untuk melaksanakan kehendak dan tujuannya. Oleh itu dia mengirim roh jahatnya untuk mengawal tubuh manusia untuk menjadikan mereka agen kerajaannya, melakukan kemusnahan, penipuan dan perpecahan. Setelah seseorang itu di bawah pengaruh roh iblis, dia bukan lagi berkuasa atas dirinya. Dia kehilangan identiti yang Tuhan berikan, sehingga dia keliru. Dia kehilangan destininya, juga, peluang dan kemampuannya dirampas daripada menjalani hidup yang penuh tujuan dan bererti.

Di dalam catatan Alkitab tentang Pelayanan Yesus di dalam Markus 5:1-20, seorang lelaki yang kerasukan kehilangan kewarasan dan tujuan hidupnya. Dia tidak memiliki perhubungan, pekerjaan, menjalani hidup yang baik, mengasihi dan dikasihi, dll – perkara yang kita fikirkan biasa dan kadangkala kita memandang ringan. Apabila dia dibebaskan oleh Yesus, dia berikan pakaian dan fikiran yang tenang, siap untuk maju dalam kehidupan, memiliki kesedaran akan dirinya.

Namun, setelah mengetahui bahawa roh jahat yang diusir oleh Yesus pergi kepada 2,000 ekor babi dan menyebabkan semuanya mati lemas, orang-orang yang mengenali lelaki itu, malah mahu Yesus meninggalkan wilayah mereka. Tiba-tiba, nilai 2,000 ekor babi itu melebihi nilai seorang manusia yang dibebaskan. Walaubagaimanapun, lelaki ini yang “suatu ketika mati sekarang telah hidup”, siap untuk berjalan ke dalam destininya, yang diberikan oleh Allah – untuk menjadi saksi bagi Yesus dan kuasa penyelamatan-Nya bagi umat-Nya.

Kita, juga, boleh dibebaskan untuk menjadi diri kita yang sebenarnya, dan untuk melakukan apa yang sepatutnya kita lakukan. Kita sangat berharga di mata Tuhan sehingga Dia mempunyai rancangan yang sempurna bagi kita!

Fokus Doa

1. Tuhan menghargai semua kehidupan manusia. Ingatlah mereka yang sakit secara jiwa, diseksa oleh musuh. Bersyafaatlah untuk kebebasan dan pemulihan mereka. Berdoa agar Tuhan akan meneguhkan identiti mereka sebagaimana Tuhan telah menciptakan mereka: berharga dan dikasihi.

Hari 31

Perayaan Pondok Daun

“Hari raya Pondok Daun haruslah kaurayakan tujuh hari lamanya, apabila engkau selesai mengumpulkan hasil tempat pengirikanmu dan tempat pemerasanmu. Haruslah engkau bersukaria pada hari rayamu itu, engkau ini dan anakmu laki-laki serta anakmu perempuan, hambamu laki-laki dan hambamu perempuan, dan orang Lewi, orang asing, anak yatim dan janda yang di dalam tempatmu. Tujuh hari lamanya harus engkau mengadakan perayaan bagi TUHAN, Allahmu, di tempat yang akan dipilih TUHAN; sebab TUHAN, Allahmu, akan memberkati engkau dalam segala hasil tanahmu dan dalam segala usahamu, sehingga engkau dapat bersukaria dengan sungguh-sungguh.” (Ulangan 16:13-15)

7 hari Perayaan Pondok Daun adalah waktu untuk bersukacita. Ini juga waktu di mana orang Yahudi mengingati “khemah suci” Allah – Dia berdiam diantara umat-Nya. Dalam sejarah umat Allah dan gereja-Nya, hadirat Allah di tengah-tengah mereka membawa kebebasan, rahmat dan keberhasilan. Apabila umat Allah bersukacita dalam kebaikan dan belas kasihan Tuhan yang mereka alami pada masa lalu, bersyukur kepada Dia dan mengakui Dia, Dia menjanjikan berkat dan kemakmuran pada masa hadapan.

Tuhan di dalam Perjanjian Lama, telah memanggil umat-Nya kepada-Nya, untuk memberikan diri mereka kepada Tuhan dalam penyembahan, percaya dan penyerahan yang penuh, sebelum Dia memanggil mereka ke lapangan yang Dia telah sediakan untuk mereka – untuk makmur. Pada hari ini, ramai yang ingin mengetahui tujuan hidup mereka dan rahsia kemakmuran. Kesaksian yang Tuhan telah rekodkan untuk kita, seperti Salomo, Yusuf dan Ester, masih relevan kepada kita. Allah terlebih dahulu memanggil kita untuk mengakui Dia dan menyembah Dia sahaja, bukan hanya sekadar di bibir, tetapi melakukan, maka Dia akan memanggil dan mengutus kita ke lapangan di mana kita akan makmur. Seperti Boas katakan kepada Ruth, “jangan menuai di ladang yang lain.” Oleh itu Tuhan berkata kepada kita, “Jangan menuai di ladang lain, tetapi di ladang yang telah saya tetapkan untuk kamu.”

Tujuannya adalah supaya kita dapat menjadi kesaksian bagi kasih setia-Nya, sebuah demonstrasi hadirat-Nya yang mulia. Ratu Syeba memberi respon setelah menyaksikan berkat dan kejayaan daripada Tuhan dalam hidup Salomo: "Terpujilah TUHAN, Allahmu, yang telah berkenan kepadamu sedemikian, hingga Ia mendudukkan engkau di atas takhtanya sebagai raja untuk TUHAN, Allahmu! Karena Allahmu mengasihi orang Israel, maka Ia menetapkan mereka untuk selama-lamanya, dan menjadikan engkau raja atas mereka untuk melakukan keadilan dan kebenaran." (2 Tawarikh 9:8)

Semuanya untuk kemuliaan Tuhan!

Fokus Doa

1. Tuhan, saya bersukacita dalam semua kebaikan yang saya terima daripada Engkau. Oleh kerana kasih setia-Mu yang tak berkesudahan dalam hidup saya, saya isytiharkan bahawa saya akan masuk ke dalam keberhasilan dan tuaian yang lebih besar dalam hidup saya tahun ini. Saya berdoa agar Engkau akan memberkati saya dan menjadikan saya berkat kepada keluarga, tempat kerja (sekolah, kolej, universiti saya, dll), kelompok sel saya, gereja, komuniti, kota (bandar atau kampung) dan bangsa saya. Dalam nama Yesus. Amen!

Hari 32

Pengganti

“Haleluya! Berbahagialah orang yang takut akan TUHAN, yang sangat suka kepada segala perintah-Nya. Anak cucunya akan perkasa di bumi; angkatan orang benar akan diberkati..” (Mazmur 112:1-2)

Pengganti adalah sangat penting dalam semua institusi manusia. Samada dalam perdagangan, politik, keluarga atau kepemimpinan, pengganti selalunya disengajakan dan dirancang. Demikian juga dalam gereja, pengganti haruslah disengajakan. Bukan saja dalam istilah kepemimpinan, tetapi juga menyerahkan baton misi dan pelayanan, daripada satu generasi kepada yang seterusnya.

Sebagai sebuah gereja, ktia harus secara sedar melabur dalam membangkitkan generasi akan datang, agar mereka akan berjalan dalam takut akan Tuhan. Gereja dari sejak berabad-abad, telah membawa misi dan pelayanan Yesus sebagai tubuh Kristus. Kita memiliki mandat daripada Tuhan untuk menjadikan segala bangsa murid Kristus. Pekerjaan Injil, selalunya dirujuk sebagai Amanat Agung yang harus diteruskan sehingga Tuhan Yesus kembali.

Untuk meneruskan dasar misi Gereja, kita perlu membangkitkan muda-mudi yang mengasihi Tuhan dan mencari Kerajaan dan kebenaran-Nya, mengatasi semua yang lain. Pelayanan muda-mudi dan kanak-kanak haruslah menjadi keutamaan kita. Sebagai pelopor mereka, kita harus memimpin, membimbing dan mengasuh mereka ke dalam destini yang Tuhan berikan. Ia adalah rancangan Tuhan untuk mengganti agar berkat diterima oleh satu generasi, yang harus disampaikan kepada generasi seterusnya.

Walaupun bagaimanapun, kita tidak dapat memberikan kepada generasi seterusnya apa yang tidak kita miliki. Rancangan Penggantian Allah yang memberikan berkat diwariskan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya adalah rancangan-Nya untuk memberkati kita dengan kejayaan. Rancangan berkat keturunan adalah bagi keluarga juga. Namun sekiranya, dalam kehidupan pendahulu kita, garis pewarisan berkat generasi telah terputus, kita memerlukan Tuhan untuk membawa pemulihan. Kita hanya dapat menyampaikannya, apabila kita terlebih dahulu telah menerima. Tuhan berkuasa untuk memulihkan, ke dalam keluarga kita, gereja dan kita, berkat yang telah terputus, sekiranya kita membenarkan Dia. Marilah kita mencari pemulihan dan mengembalikan semula berkat Allah dalam hidup kita, agar kita dapat menjadi berkat kepada generasi seterusnya.

Fokus Doa

1. Berdoa untuk pelayan kanak-kanak dan muda-mudi di Gereja kita, agar Tuhan akan melindungi generasi seterusnya daripada semua pekerjaan kuasa gelap. Berdoa untuk kekuatan iman dan perhubungan yang lebih mendalam dengan Tuhan. Berdoa untuk semua pemimpin pelayan kanak-kanak dan muda-mudi agar Tuhan akan memberikan mereka kuasa Roh Kudus-Nya dan memenuhi hati mereka dengan kasih kepada Tuhan dan untuk kanak-kanak dan muda-mudi.
2. Berdoa untuk ibubapa Kristian agar mereka akan melangkah ke dalam peranan sebagai agen Allah untuk memberi impak dan mengasuh anak-anak mereka menjadi takut akan Tuhan.

Hari 33

Berkenaan di hati Allah

“Tetapi sekarang kerajaanmu tidak akan tetap. TUHAN telah memilih seorang yang berkenaan di hati-Nya dan TUHAN telah menunjuk dia menjadi raja atas umat-Nya, karena engkau tidak mengikuti apa yang diperintahkan TUHAN kepadamu.” (1 Samuel 13:14)

Seseorang yang berkenaan di hati Tuhan adalah orang yang mengejar apa yang dekat di hati-Nya. Hati Allah adalah kepada orang ramai (Markus 6:34) dan untuk tanah, bangsa, kota dan seluruh bumi (Mazmur 24;1). Seseorang yang berkenaan di hati Allah sangat prihatin kepada mereka yang terhilang dan terhadap tanah yang dikutuk. Dia mengejar keselamatan orang ramai dan menyembuhkan tanah dengan penuh semangat.

“Sesebuah negeri tidak akan dapat meneruskan tujuan Allah kecuali ia dalam perjanjian atau persetujuan dengan Dia. Untuk tanah dan penduduknya dapat meneruskan tujuan Allah, haruslah ada penyelarasan moral dengan kebenaran Allah. Ulangan 29, memberikan ringkasan kemusnahan peribadi, sosial dan persekitaran yang terjadi apabila manusia menganggap Allah dan perjanjian dengan cara yang mementingkan diri dan hipokrit. Buku Ratapan memberitahu kita apa yang berlaku apabila mereka melakukannya “Air kami kami minum dengan membayar, kami mendapat kayu dengan bayaran...Kulit kami membara laksana perapian, karena nyerinya kelaparan. (Ratapan 5:4-14). Tanah tidak lagi secara percuma memelihara mereka oleh kerana pemberontakan mereka; hanya dengan harga yang malah mereka dapat hidup di negeri itu.” (Julius Suubi, Healing the Land)

Keadaan di dalam bangsa kita mempunyai akar rohani. Ia memerlukan penyelesaian rohani; campurtangan Allah. Gereja memegang kunci untuk pemulihan dan transformasi tanah. Oleh kerana Gereja saja dapat berdoa dalam nama Yesus dengan pewahyuan Roh Kudus.

Tuhan mencari lelaki dan wanita yang berkenaan di hati-Nya, untuk merayu kepada Dia dengan bersungguh-sungguh untuk pemulihan dan penyembuhan umat dan tanah – dalam doa dan tindakan yang benar. John Knox pernah berdoa dalam kesengsaraan yang mendalam dan berkata, “Tuhan, berikanlah saya Scotland atau saya akan mati!”. Bukan kejaran kedagingan, tetapi kejaran untuk apa yang ada di hati Allah. Tuhan memberikan Dia Scotland sebelum dia mati.

Fokus Doa

1. Berdoa kepada Tuhan agar terang-Nya akan bersinar kepada bangsa kita dan menghalau pekerjaan kegelapan yang menekan manusia. Berdoa untuk kebenaran dan kesalehan ditegakkan di negara ini.

2. Minta Tuhan untuk membangkitkan para pemimpin pilihan-Nya untuk memerintah Negara ini dan memberkati mereka dengan hikmat dan sumber-sumber-Nya.

Hari 34

Baji Tuhan

Lima orang dari antaramu akan mengejar seratus, dan seratus orang dari antaramu akan mengejar selaksa dan semua musuhmu akan tewas di hadapanmu oleh pedang. Dan Aku akan berpaling kepadamu dan akan membuat kamu beranak cucu serta bertambah banyak dan Aku akan meneguhkan perjanjian-Ku dengan kamu. (Imamat 26:8-9)

Baji merupakan alat yang sangat berguna dan kuat. Ia boleh digunakan sebagai penahan pintu untuk menghentikan pintu yang lebih besar dan berat daripadanya. Apabila ia berada di tangan seorang tukang kayu yang mahir, ia dapat digunakan untuk memecahkan kayu yang lebih kuat, keras dan besar daripadanya.

Pendoa syafaat adalah seperti baji Tuhan. Saat mereka menundukkan diri kepada ketuhanan Yesus, mereka akan dapat melakukan usaha yang besar untuk kemuliaan Tuhan. Apabila mereka menyerahkan diri mereka kepada Tuhan dalam penyembahan, dalam ketaatan kepada suara-Nya dan Firman-Nya, apabila mereka merendahkan diri untuk diubah oleh Roh Kudus-Nya, perkara yang hebat dan besar akan terjadi saat mereka berdoa. Baji Tuhan ini akan sangat berkuasa sehingga gerbang maut tidak akan bertahan terhadap gereja.

Apabila gereja sungguh-sungguh berdoa, rindu melihat Kerajaan Allah ditegakkan di bumi, agar nama-Nya ditinggikan, ia menarik berkat dan campurtangan Allah. Untuk sesuatu berubah dalam bentuk fizikal, sesuatu harus bergerak dalam alam rohani. Dan kita sebagai Gereja adalah kuncinya.

Kita berada di ambang destini gereja dan bangsa ini. Tuhan mencari “baji” yang sanggup dipakai untuk tujuan-Nya, untuk membangun dan merobohkan, mencabut dan menanam. Adakah kamu sedia untuk menjadi sebahagian dalam gerakan Allah?

Fokus Doa

1. Berdoa agar gereja berani mengambil posisi kekuasaan rohani dan berdoa untuk kebenaran Allah ditegakkan di Negara kita.
2. Berdoa menentang sebarang kuasa kegelapan yang menyebabkan bangsa kita tergelincir daripada destininya.
3. Berdoa agar Tuhan membawa bangsa kita ke dalam berkat dan menjadi berkat bagi bangsa-bangsa.

Hari 35

Penebusan

Tetapi kambing jantan yang kena undi bagi Azazel haruslah ditempatkan hidup-hidup di hadapan TUHAN untuk mengadakan pendamaian, lalu dilepaskan bagi Azazel ke padang gurun.....dan Harun harus meletakkan kedua tangannya ke atas kepala kambing jantan yang hidup itu dan mengakui di atas kepala kambing itu segala kesalahan orang Israel dan segala pelanggaran mereka, apapun juga dosa mereka; ia harus menanggungkan semuanya itu ke atas kepala kambing jantan itu dan kemudian melepaskannya ke padang gurun dengan perantaraan seseorang yang sudah siap sedia untuk itu. Demikianlah kambing jantan itu harus mengangkut segala kesalahan Israel ke tanah yang tandus, dan kambing itu harus dilepaskan di padang gurun. (Imamat 16:10, 21-22)

Semasa Minggu Kudus, kita mengingati pengorbanan penebusan Yesus. Bagi orang Israel, pada Hari Penebusan, Tuhan mengkhususkannya untuk umat-Nya mengakui dosa-dosa mereka, baik secara individu dan korporat. Salah satu binatang korban pada hari itu adalah kambing yang dipanggil “kambing jantan”. Ini adalah salah satu binatang yang tidak akan dikorbankan, tetapi dilepaskan ke padang gurun. Dosa-dosa umat dan bangsa diakui, dan ia akan menanggung akibat semua dosa-dosa itu.

Bayangkan apa yang akan terjadi kepada kambing jantan itu. Ia mungkin sangat senang, kerana ia tidak disembelih seperti yang lain. Suara putus asa dan kesakitan yang mendalam menghadapi kematian daripada binatang-binatang yang akan mati pastilah sangat dahsyat, dan segar dalam ingatan kambing jantan. Kemudian, kebebasan yang tiba-tiba ini datang. Betapa satu kelegaan! Namun, kebebasan ini akhirnya bertukar kepada pengalaman yang menakutkan – bersendirian, terdedah, tidak bermaya, sesat dan akhirnya mati.

Ia kedengaran kejam, bagi pencinta binatang seperti saya. Tetapi ia hanya memberitahu kepada kita kenyataan yang kejam dan akibat dosa-dosa! Kelihatan seperti kebebasan, tetapi akhirnya akibat dosa yang menghancurkan itu akan membinasakan tanpa belas kasihan dalam kehidupan orang-orang berdosa, dan malah bagi kehidupan orang-orang yang mereka kasahi dan keturunan mereka.

Dan Yesus datang menjadi kambing jantan yang sempurna bagi kita. Tebus bermaksud “meliputi”. Apabila kita memohon “Darah Yesus meliputi”, kita mengambilalih, di antaranya adalah, pembersihan rohani dari Tuhan, penyingkiran rasa bersalah dosa, meletakkan akibat dosa-dosa yang membinasa pada-Nya, iaitu perpisahan daripada Allah, tidak dilindungi, ketakutan dan kutuk.

Terima kasih, Yesus!

Fokus Doa

1. Luangkan masa bersyukur kepada Tuhan untuk harga yang dibayar bagi dosa-dosa kita.
2. Bawalah kepada Tuhan, bagi diri kamu dan bagi pihak leluhur kamu, dosa dan akibat dosa yang kamu tahu, berikan semuanya kepada Yesus, Anak Domba yang sempurna. Akui dan bertaubat di hadapan-Nya dan minta pengampunan dan kesembuhan.

Hari 36

Mengakhiri dengan Baik

“Aku telah mengakhiri pertandingan yang baik, aku telah mencapai garis akhir dan aku telah memelihara iman. Sekarang telah tersedia bagiku mahkota kebenaran yang akan dikaruniakan kepadaku oleh Tuhan, Hakim yang adil, pada hari-Nya; tetapi bukan hanya kepadaku, melainkan juga kepada semua orang yang merindukan kedatangan-Nya.” (2 Timotius 4:7-8)

Pada tahun 2017, dunia menyaksikan persaraan salah satu atlet terbaik, seorang legenda Usain Bolt. Walaupun dia tidak memenangi emas dalam perlumbaan terakhirnya 100 meter, dia diberikan sambutan perpisahan yang sangat emosi di akhir Kejuaraan Dunia. Dia telah mengakhiri pertandingan dengan baik, dengan kelayakan dan standard (piawai) sukan – tiada dadah, semuanya kerja keras dan tetap komited.

Setiap kita dipanggil oleh Tuhan dalam perjalanan iman di bumi ini, perlumbaan kita telah ditetapkan bagi kita. Kita hanya melakukan apa yang Allah panggil untuk kita lakukan, untuk menjalani kehidupan yang Allah telah rencanakan bagi kita. Tidak ada yang lebih, dan kurang. Ada kalanya, bergerak dalam halatuju dan panggilan Allah bagi kita terbukti mencabar, menguji, malah menyakitkan. Bahagian kita adalah bertahan, walau apapun terjadi. Untuk melakukan semua ini, bukan untuk memperoleh penerimaan daripada Tuhan, tetapi untuk menunjukkan kasih kita untuk mengasihi Allah yang telah menyelamatkan kita daripada kematian dan kehancuran. Untuk melakukan ini, adalah untuk menerima kepenuhan tertinggi dalam kehidupan, apabila kita berjalan dalam tujuan yang Allah bawa ke dalam dunia.

Apapun keadaan kamu sekarang, apapun bahagian perjalanan iman kamu saat ini, bekerja keraslah (“Berjuanglah dalam perjuangan yang baik”), tetap setia, komited dan bersungguh-sungguh sehingga akhir (akhiri perlumbaan!) dan tiada jalan pintas, tiada cara kedagingan tetapi mengikuti cara Allah (“bertahan dalam iman). Pada akhirnya kamu akan mendengar, suara Tuan berkata: “Maka kata tuannya itu kepadanya: Baik sekali perbuatanmu itu, hai hambaku yang baik dan setia, engkau telah setia memikul tanggung jawab dalam perkara yang kecil, aku akan memberikan kepadamu tanggung jawab dalam perkara yang besar. Masuklah dan turutlah dalam kebahagiaan tuanmu.” (Matius 25:23)

Fokus Doa

1. Apapun panggilan Tuhan untuk kamu lakukan atau penuhi dalam kehidupan dan pelayanan kamu, minta Tuhan untuk menguatkan kamu untuk tetap setia pada akhirnya.
2. Berdoa untuk semua para pelayan dan hamba Tuhan, agar mereka tetap terpelihara dalam sayap perlindungan-Nya dan mengakhiri pertandingan mereka. Berdoa agar Tuhan memberkati keluarga dan keturunan mereka, sebagai satu kesaksian kasih setia Tuhan untuk generasi akan datang.

Hari 37

Bolehkah kasih dituntut?

Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita...(Yesaya 9:6a)

Karena begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Ia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal. (Yoh 3:16)

Saya dan keluarga baru-baru ini telah menonton Teater terkenal Phantom of the Opera di panggung. Walaupun saya telah mendengar sedikit tentang musikal ini, membaca sinopsisnya, mendengar lagu-lagunya, namun sehinggalah saya menontonnya sendiri barulah saya terpesona dengan ceritanya. "Phantom" di dalam cerita ini digambarkan sebagai seorang lelaki yang walaupun sangat berbakat, tetapi sangat kehilangan kasih dalam hidupnya oleh kerana kecacatan fizikalnya. Dia mencurahkan kasih sayangnya kepada seorang perempuan dan menjadikannya seorang penyanyi musikal yang berjaya dalam opera. Tetapi apabila cintanya tidak diterima oleh perempuan itu, dia menuntut cinta daripadanya. Sudah pasti dia menyedari bahawa cinta tidak harus menuntut. Dia harus mengorbankan tuntutananya dan melepaskan cinta kasihnya kepada pilihan bebas perempuan itu. Sebuah musikal yang sangat hebat yang memberitahu kita tentang pergumulan mendalam seorang lelaki yang mendambakan cinta.

Semasa Minggu Kudus ini, kita mengingati Yesus yang telah dilahirkan ke dalam dunia sebagai manusia, mati di kayu salib sebagai manusia, untuk menyelamatkan kita daripada kematian dosa. Bagi kita, seorang Penyelamat telah diutus bagi kita. Bagi Allah Bapa, seorang Anak, satu-satunya Anak, telah diberikan. Ayah manakah yang sanggup memberikan seorang anak kepada orang lain jika tidak kerana kasih? Kasih yang membawa kita ke tahap yang sama dengan kasih Bapa kepada Anak-Nya! Dan kasih itu diberikan secara percuma kepada kita, semuanya kerana pilihan sukarela Allah.

Apabila seseorang kekurangan kasih dalam hidup, ia “mencacatkan” seluruh kehidupannya – menjejaskan roh, jiwa dan tubuhnya. Ia membawa rohnya ke dalam kegelapan, ia memerangkap jiwanya dalam keputusasaan, tiada harapan, dan kepahitan, dan ia menyebabkan penyakit muncul ke dalam tubuh. Gangguan total yang mencapai akibat yang menghancurkan dalam hidup. Dan Allah mengutus Anak-Nya – pertama untuk menunjukkan kasih yang tak bersyarat bagi kita, kemudian menjemput kita untuk hidup dalam kasih itu.

Jumaat Agung adalah tentang manifestasi kasih Allah kepada kita. Dia tidak melupakan kamu. Dia telah melakukan satu perkara yang hanya Dia sahaja dapat lakukan – mempersembahkan Korban yang sempurna untuk dosa-dosa dunia. Ia mungkin sukar untuk dipercayai, bahawa Allah Pencipta kita memberikan Anak Tunggal-Nya untuk kamu. Tetapi ini adalah demonstrasi Allah akan kasih “tanpa dituntut” kepada kita. Oleh itu, pada Easter kali ini, undanglah kasih ini dengan sungguh-sungguh ke dalam hati kamu. Berketetapan untuk hidup dalam kasih ini. Kerana langkah pertama ke arah membetulkan diri kamu adalah bertemu dengan kasih ini secara peribadi.

Fokus Doa

1. Allah dalam Yesus pada masa ini. Berdoa agar kasih ini akan membawa penyembuhan dan pemulihan bagi mereka yang merasa penolakan dalam hidup mereka.

Hari 38

Adakah anda sanggup?

Maka Ia maju sedikit, lalu sujud dan berdoa, kata-Nya: "Ya Bapa-Ku, jikalau sekiranya mungkin, biarlah cawan ini lalu dari pada-Ku, tetapi janganlah seperti yang Kukehendaki, melainkan seperti yang Engkau kehendaki." (Matius 26:39)

Sekitar waktu ini tahun lalu, saya berhadapan dengan keputusan penting dalam pelayanan saya. Saya perlu memilih samada harus mengambil satu cabaran yang baru dalam pelayanan. Saya tidak sepenuhnya pasti ia adalah daripada Tuhan. Sementara saya bergumul dengan hal itu, kata-kata Yesus ini datang berulang-ulang kepada saya. Saya tahu apapun peluang pelayanan baru yang datang kepada saya, saya harus terlebih dahulu mengatakan Ya kepada Tuhan. Apabila Dia memanggil, saya harus taat.

Saya akhirnya berlutut kepada Tuhan selepas Jumaat Agung. Saya memberitahu kepada Tuhan bahawa saya akan taat dan tunduk kepada Dia apabila Dia memanggil saya. Beberapa minggu selepas itu, saya merasakan Tuhan berkata kepada saya, "Anakku, saya hanya ingin tahu, adakah kamu sanggup. Pelayanan baru itu bukan untuk kamu." Seluruh kejadian itu mengingatkan saya kepada Abraham. Apabila Abraham disuruh Allah untuk mengorbankan anak tunggalnya, Ishak, dia taat. Tuhan menunjukkan kepada Abraham secara jelas, bahawa bukan Ishak yang harus menjadi korban, tetapi domba jantan yang disediakan oleh Allah. Tuhan mahu tahu, samada Abraham sanggup.

Sebenarnya, Tuhan sendiri telah menyediakan Anak-Nya untuk dikorbankan, agar manusia tidak perlu mengorbankan "anak lelaki" bagi dosa-dosa mereka. Dapatkah kamu bayangkan sekiranya Yesus tidak sanggup disalibkan? Alangkah kasihan kehidupan kita? Alangkah tidak ada harapan dan hancurnya manusia? Namun, Yesus sanggup.

Apabila Allah memanggil kita untuk melaksanakan sesuatu tugas, pertama Dia mahu mengetahui samada kita sanggup. Lihat, dengan berkata Ya kepada Dia meskipun tugas tersebut seperti sangat besar untuk kita, merupakan ungkapan iman kita kepada Dia. Dia adalah Bapa yang mengasihi kita. Dia tidak memanggil kita untuk melakukan sesuatu jika Dia tidak sanggup menyediakan bagi kita dengan kasih karunia dan sumber-sumbernya. Dia tidak menetapkan untuk kita gagal! Dia sangat mengasihi kita hingga tidak melakukan sedemikian.

Apakah panggilan Allah untuk kamu lakukan? Apakah tugas yang Dia berikan kepada kamu? Kamu boleh percaya bahawa Dia mempunyai tujuan yang terbaik bagi kamu. Kamu dapat mempercayai Dia apabila kamu berkata Ya kepada Dia, Dia tidak akan meninggalkan kamu atau membiarkan kamu bersendirian melakukan kerja tersebut.

Apabila Dia memanggil, adakah kamu sanggup?

Fokus Doa

1. Luangkan masa memuji dan bersyukur kepada Yesus untuk kerelaannya untuk disalibkan.
2. Apabila Tuhan memanggil kamu untuk sebuah tugas, serahkan semua pergumulan kamu dengan Dia. Mintalah kasih karunia daripada Dia untuk berkata Ya.

Hari 39

Kuasa Kebangkitan

“..Yang kukehendaki ialah mengenal Dia dan kuasa kebangkitan-Nya dan persekutuan dalam penderitaan-Nya, di mana aku menjadi serupa dengan Dia dalam kematian-Nya,” (Filipi 3:10)

Pada hari Easter, kita merayakan Kebangkitan Yesus. Pada peristiwa tunggal tersebut, Yesus telah mengalahkan kematian, bagi Diri-Nya dan bagi kita. Kemenangan Yesus membawa kita bukan kemenangan yang sekali, tetapi membuka pintu kepada kekayaan dan kelimpahan kuasa Allah bagi mereka yang percaya. Kuasa kebangkitan ini bukan hanya membuka pintu syurga kepada kita, tetapi ia tersedia bagi kita di bumi ini. Rasul Paulus memahami hal ini dengan baik. Dia mencari untuk “mengetahui” kuasa ini, bukan sebagai pengetahuan intelektual, tetapi sebagai pengetahuan kepada hubungan.

Kita hanya dapat sewajarnya dan menghargai Kuasa Kebangkitan Yesus sekiranya kita mengenal Dia secara intim dan semakin bertambah dalam ukuran. Kuasa Kebangkitan ini berkuasa untuk “membangkitkan” perkara-perkara dalam hidup kita yang “mati”, tidak mempunyai harapan atau tidak hidup. Mungkin terdapat keadaan dan perkara dalam kehidupan kita yang berada di luar aturan dan kehendak Allah, sesuatu telah menjadi sangat tidak benar, pandanglah kepada Yesus untuk menerima Kuasa Kebangkitan ini ke bahagian-bahagian khusus dalam hidup kita. Ia mungkin juga sebuah perhubungan yang memburuk, masalah kewangan, impian yang tidak terpenuhi, dll.

Kadangkala untuk dapat mengalami Kuasa Kebangkitan Yesus, kita perlu mematikan perkara-perkara yang tidak saleh dan dosa dalam hidup kita. Yesus telah mati di kayu salib untuk menangani dosa dan ketidaksalehan kita. Perkara-perkara ini telah dipakukan di kayu Salib dan tidak akan pernah lagi bangkit! Berurusan dengan dosa dan ketidaksalehan bermaksud kita perlu mengambil tanggungjawab terhadap tindakan, keputusan, sikap-sikap kita, dan berkomited untuk membawanya kepada Yesus. Ia juga mungkin bermaksud kita perlu mengubah sikap-sikap kita, cara kita membuat keputusan dalam hidup kita dan berdisiplin dalam kata-kata dan tindakan kita.

Saya berdoa pada Hari Kebangkitan tahun ini, kamu akan mendapatkan harapan dan dorongan, untuk menerima Kuasa Kebangkitan dalam hidup kamu. Semoga kamu bertemu dengan Kristus yang telah bangkit dengan segar dan baru pada hari itu.

Fokus Doa

1. Berdoa agar Kuasa Kebangkitan Kristus akan sekali lagi menyentuh kamu dan gereja di mana kamu berada, agar kamu dapat membawa kesaksian Kuasa tersebut dengan lebih efektif.
2. Pakukan di Salib semua perkara yang tidak saleh, sebagai pertukaran, terimalah harapan, kekuatan, kehidupan yang baru dan kuasa segar daripada Kristus.

Hari 40

Harapan Kebangkitan!

“Sebab pada waktu tanda diberi, yaitu pada waktu penghulu malaikat berseru dan sangkakala Allah berbunyi, maka Tuhan sendiri akan turun dari sorga dan mereka yang mati dalam Kristus akan lebih dahulu bangkit.”

(I Tesalonika 4:16)

Kebangkitan Yesus membawa harapan dan kehidupan. Harapan – kerana Yesus telah mengalahkan kematian, oleh itu kita yakin bahawa mereka yang berada dalam Kristus Yesus, kematian tidak akan berkuasa ke atas kita. Hidup – kerana kebangkitan Yesus memberi kesan dalam hidup kita saat ini.

Tuhan dalam pewahyuan-Nya kepada Nabi Yehezkiel 37, dimana Tuhan mengutus dia ke lembah yang penuh dengan tulang-tulang kering dan bertanya kepadanya, “anak manusia, dapatkah tulang-tulang ini hidup?” saya percaya ia adalah soalan yang disengajakan Tuhan kepada ‘anak manusia’. Tuhan sebenarnya bertanya, “bagi manusia, adakah ini mustahil?”.

Mungkin terdapat keadaan-keadaan atau bahagian-bahagian dalam hidup kita di mana ianya dianggap “mati”. Harapan seolah-olah tiada selama-lamanya. Apa yang Tuhan kehendaki, inginkan dan janjikan seolah-olah mustahil sekarang. Tuhan mungkin bertanya soalan ini kepada kamu, ‘anak manusia, dapatkah tulang-tulang ini menjadi hidup?’. Nabi Yehezkiel disuruh untuk melakukan satu tindakan nubuatan – ucapkan perintah Tuhan ke atas tulang-tulang kering ini.

Pada Hari Kebangkitan ini, Firman yang menjadi manusia telah bangkit daripada kematian dan tidak akan mati lagi. Firman Hidup! Oleh itu, segala sesuatu yang disentuh oleh Firman yang hidup dan kekal akan menjadi hidup, kehidupan akan kembali dan dipulihkan. Minta Firman daripada Tuhan hari ini. Atas perintah-Nya, ucapkan kepada kematian, dan lihat dan kecaplah Kuasa Kebangkitan dalam nama Yesus!

Ucapkan Firman Tuhan, nubuatkan kepada lembah tulang-tulang kering hari ini!

Fokus Doa

1. Senaraikan impian, rancangan dan harapan yang Allah berikan yang telah “mati”. Ucapkan dengan iman ke atasnya Kehidupan kebangkitan. Ucapkan harapan kepada keluarga, gereja, kewangan dan bangsa, agar apa yang telah dicuri atau dirompak oleh musuh, kembali hidup pada tahun ini. Harapkan “kebangkitan”.